



PERANG *Oktober*



TINTA MERAH
Kuala Lumpur
1996

DKA SKRIFTER

STEGEN ASKE



DKA SKRIFTER
STEGEN ASKE
1991

PERANG *Oktaber*

Wajib Perang Oktaber 1945

Ikhtiar K. L. M. S. P. S.

Kelompok 2: Tentera Darat, Tentera Udara, dan Marinir

Wajib Perang Oktaber 1945

Ikhtiar K. L. M. S. P. S.

MOHD SAYUTI OMAR

PERANG OKTOBER

Cetakan Pertama September, 1996

© MOHD SAYUTI OMAR (MSO)

Hakcipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpan-kekal atau dipinda dengan sebarang bentuk atau sebarang cara sama ada cara elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Penerbit.

Penerbit

TINTA MERAH

304 Block A-1 Seksyen 4

Wangsa Maju

53300 Kuala Lumpur

Tel: 03-4122301

M

324.2595

Pencetak

Victory Enterprise

Kuala Lumpur.

MSD

ISBN : 983-9032-20-8

HARGA RM 8.00

M

897859

24 NOV 1997

KANDUNGAN

Prakata Penerbit	i
Muqadimah	1
Zahid Dan Annuar – Siapa Lebih Afdal	13
Kenapa Annuar Bertanding?	31
KPU Rahim Jadi Penentu	43
Najib Pastikan Muhyiddin Kalah	55
Teori Ku Li Jadi PM	69
Kenapa Zaharah Lawan Rafidah?	83
Siapa Menang Siapa Kalah	95
Lampiran	110

SEMINARIO INTERNACIONAL

EL DERECHO PENAL Y SUS APLICACIONES EN EL MUNDO LATINOAMERICANO

Universidad de Costa Rica
Instituto Universitario de Estudios Avanzados

Facultad de Derecho - Ciudad Universitaria - San José - Costa Rica

Kunsthochschule Berlin - Berlin (Brandenburg)

Facultad de Derecho y Ciencias Políticas - Universidad de la República

Universidad de las Américas Puebla - Cuernavaca, Morelos

Tecnológico de Monterrey - Campus Monterrey

Universidad Católica del Uruguay - Montevideo

Sistema Integrado Global Káiser - São Paulo

Fundación Universitaria - Bogotá

Universidad de la Costa - Barranquilla

Universidad de los Andes - Mérida

Universidad de la República - Montevideo

Universidad de la Costa - Barranquilla

PRAKATA PENERBIT

PERATURAN ketat yang dibuat oleh pucuk pimpinan UMNO dalam pemilihan tahun ini serta larangan berkempen menyebabkan suasana pemilihan tahun ini tidak rancak atau panas. Meskipun kempen tetap juga berjalan, tetapi ternyata sekali ia kurang bermaya. Apa yang paling ketara, ialah kurangnya kemunculan buku-buku politik yang meruahkan suasana.

Boleh dikatakan kegiatan penulisan buku politik menjadi senyap sendu. Tidak seperti menjelang pemilihan tahun 1993 lalu, dimana kira-kira 13 buku politik diterbitkan. Kemuncak kepada kegiatan tahun 1993 lalu ialah, pelancaran serentak 10 buku oleh 10 orang penulis yang bergabung dalam Kelab Penulis Politik Malaysia (KPPM) yang dilakukan oleh Tengku Puteri Zahariah Sultan Salehuddin di

PERANG OKTOBER

Pulau Pinang.

Apakah penulis-penulis politik tanah air tidak komited lagi dengan politik? Ke mana Tuan Presiden (?) KPPM, Syed Hussein Alattas, serta Sdr Daud Ibrahim, Sdr Ahmad Lutfi Othman, Sdr Kamal Amir, Sdr Termizi Mohd Jam, Sdr Halim Mahmud dan lain-lain? Apakah mereka sudah kematian idea dan kepupusan semangat?

Walapun kehadiran buku-buku politik dianggap sebagai satu fenomena yang kurang sihat setiap kali menjelang pemilihan agung UMNO, tetapi ia telah memberi sumbangan yang tersendiri. Melalui buku-buku politik, para pemerhati, perwakilan dan orang ramai dapat mengetahui sesuatu dengan jelas menerusi pendedahan yang berani dan *out spoken*, yang tidak mungkin diperolehi dari sumber-sumber lain.

Justeru itu, walaupun suasana pemilihan tahun ini dingin, tetapi atas dasar tanggungjawab dan tugas, kami terbitkan buku ini. Kalaupun ia tidak dapat 'merubah' status quo dalam UMNO, tetapi sekurang-kurangnya buku **PERANG OKTOBER** ini sebagai mewakili penerbit-penerbit lain dan rakan-rakan yang tidak sempat menerbitkan buku menjelang pemilihan tahun ini.

Penerbitan buku ini amat terbatas sekali, khususnya jangka masa penulisan. Sekiranya terdapat banyak kesilapan, kami pohon maaf. Seperti biasa diatas sokongan anda terhadap siri buku-buku politik terbitan kami, diucapkan ber-

PERANG OKTOBER

banyak terima kasih.

Wassalam.

Penerbit,

Tinta Merah.

10 September, 1996



DR MAHATHIR dan ANWAR IBRAHIM - Kata Mahathir: "Hang denger baik-baik aku nak pesan ni. Pertama kalau sudah jadi PM nanti, jangan lupakan aku. Kedua kau kena berbaik dengan Sanusi dan Daim. Ketiga kau awasi Tengku Li, jangan dia dan puak-puaknya duk ganggu hang pula". Anwar: "Lagi, Datuk Seri?" Mahathir: " Segala hutang dan juga risiko dari segala macam "mega projek"

MUQADIMAH (PERANG OKTOBER)

BERSYUKUR saya kehadrat Allah SWT kerana taufik dan hidayahNya, serta sir dan tajalliNya dapat saya menulis buku ini sebagai satu sumbangan tradisi menjelang perhimpunan agung UMNO. Selawat dan salam juga kepada Junjungan Agung Muhammad SAW.

TENTU ada yang mempertikaikan kenapa saya menyifatkan pemilihan pucuk pimpinan UMNO pada Oktober ini sebagai satu perang. Anggapan saya itu mungkin dituduh terlalu bombastik. Orang-orang UMNO tentunya tidak bersetuju dan akan mempertahankan anggapan itu dengan mengatakan pemilihan dalam UMNO adalah satu perkara biasa. Satu amalan yang dibenarkan oleh perlembagaan parti tersebut. Pertandingan itu bukan satu 'pertumpahan darah'- perang.

PERANG OKTOBER

Begitulah mungkin tanggapan dan reaksi orang UMNO apabila saya menyifatkan pemilihan pada Oktober ini sebagai satu perang.

Tetapi saya mempunyai hujah dan alasan kenapa saya menyifatkan pemilihan tahun ini sebagai sebuah peperangan. Secara mudahnya, dan ini dapat diterima oleh umum; setiap kali ada pemilihan maka akan bergaduhlah ahli UMNO sesamanya. Kadang kala pergaduhan itu membawa kepada perpecahan yang boleh melemahkan parti itu.

Dan hakikat ini telah terakam dalam sejarah. Pertandingan merebut jawatan tahun 1986, telah menyebabkan UMNO berpecah. Kelahiran Parti Melayu Semangat 46 adalah hasil daripada musibah perebutan jawatan pada tahun itu. Kelahiran parti Semangat 46 ialah angkara "perang" Ku Li dengan Dr Mahathir. Mungkin kalau tidak kerana perang itu, Semangat 46 tidak wujud.

Ahli UMNO sendiri sudah arif dan masak serta mempunyai pengalaman untuk berbuat begitu. Mereka tentu sekali takut kepada musibah perpecahan dan pergaduhan. Tentu mereka akan mencuba untuk mengawal agar pertandingan tahun ini tidak sampai mengalami peristiwa seperti tahun 1987.

Apa yang menyebabkan saya katakan pemilihan ini persis sebuah perang ialah, melihat *saking* hebatnya perebutan itu nanti. Melalui pertandingan itu sudah pasti berbagai cara (senjata) yang akan digunakan. Pihak-pihak yang akan bertanding akan menggunakan pelbagai tektik dan strategi untuk

PERANG OKTOBER

mempastikan kemenangan masing-masing.

Satu perkara yang jelas ialah penggunaan wang, tawaran projek dan kebendaan-kebendaan lain. Hari ini pun suasana itu sudah kelihatan. Bilik gerakan, team kempen dan sebagainya sudah lama dibentuk. Pelbagai tawaran pelancungan diadakan dalam usaha untuk meraih undi. Khabarnya ada calon yang membawa perwakilan makan angin dan berehat di atas kapal dan bersantai di mana-mana *resort* di seluruh negara.

Persediaan pertandingan juga lebih canggih dengan adanya peralatan moden seperti komputer, internet dan sebagainya.

Dalam pada itu UMNO sendiri seperti mengakui bahawa pemilihan tahun ini umpsama sebuah perang. Tindakan Majlis Tertinggi (MT) UMNO membatalkan semua bentuk kempen menunjukkan UMNO sendiri cukup takut dengan 'peperangan' itu. Tidak cukup setakat dengan membatalkan kempen, peraturan demi peraturan telah dibuat oleh UMNO bagi mempastikan pertandingan tahun ini tidak merebak menjadi sebuah perang yang dasyat. Yang jelas menjelang perhimpunan kali ini ialah fenomena politik wang masih belum berjaya dibenteraskan. Gejala ini sungguh membimbangkan.

Selain itu pemilihan tahun ini juga penting. Apa yang jelasnya ialah, pemimpin yang dipilih pada Oktober hadapan adalah merupakan *candidate* yang akan menjadi pemimpin pada masa-masa akan datang. Barisan pemimpin yang diangkat pada Oktober depan merupakan tokoh-tokoh yang akan

PERANG OKTOBER

menerajui pemerintahan negara diabad ke 21 kelak.

Ditangan mereka itulah terletaknya amanah bangsa Melayu. Digenggaman merekalah tercekannya harapan umat Islam untuk mendaulatkan Islam. Didalam cengkaman merekalah juga kekuasaan ekonomi, sosial, pendidikan dan budaya orang Melayu menjadi penentu. Pendeknya merekalah yang akan menjadi pemegang amanah bangsa Melayu dan agama Islam.

Lantaran itulah peranan dan tugas mereka amatlah penting. Kerana itulah, maka pemilihan itu menjadi hebat. Menjadi hangat dan panas. Kehebatannya ialah dalam menentukan siapakah pemimpin yang relevan untuk mengelak tabir abad ke 21 kelak.

Sudah tentu pemimpin yang akan dinobatkan sebagai pemimpin di abad ke 21, bukan calang-calang. Ia bukan lagi pemimpin picisan. Ataupun pemimpin yang rendah dan kotor moralnya. Bukan juga pemimpin yang dilahirkan dicelah-celah wang ringgit. Yang dilahirkan mengikut arus perdana sesuatu kelompok dan klik. Atau yang diangkat hasil daripada janji dan tawaran projek.

Jenis dan keturunan pemimpin diabad ke 21 ialah yang berjiwa besar dan hati bersih. Prihatin kepada kepentingan bangsa dan budaya. Prihatin dan peka kepada tuntutan bangsa dan agama. Yang adil, pemurah dan bersikap menentang kemungkarann. Yang mempunyai iltizam terhadap agama, bangsa dan tanahair. Yang mampu dan boleh membangun bangsa Melayu dan mendaulatkan Islam sewajarnya.

PERANG OKTOBER

Justeru itu perwakilan dan ahli UMNO mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pemilihan tahun ini. Mereka tentunya akan membuat pemilihan yang tepat. Dan mereka yang menawarkan diri sebagai calon pula sudah pasti akan menggunakan apa saja untuk memastikan mereka akan dipilih. Perwakilan perlu membuat pemilihan yang betul dan bertanggungjawab. Memilih calon-calon yang benar-benar layak menjadi pemimpin bangsa Melayu diera pasca pembangunan ini.

Selain itu, apa juga saya maksudkan pemilihan tahun ini sebagai sebuah "peperangan" ialah mengenai delima yang wujud dikalangan ahli-ahli UMNO. Tahun ini perwakilan akan berperang dengan diri mereka sendiri. Mereka terpaksa bergaduh dengan diri sendiri untuk membuat pertimbangan yang adil dan memuaskan diri mereka. Perwakilan akan terjepit diantara wang dan tanggungjawab.

Perwakilan akan diuji sama ada mereka harus tunduk kepada upah, habuan dan janji-janji kebendaan ataupun kepada tanggungjawab dan peranan mereka. Mereka akan berhadapan dengan satu keadaan yang serba salah. Jika mereka tunduk kepada kebendaan, bermakna mereka telah membelaikan perjuangan mereka. Sebaliknya jika mereka menegakkan cita-cita perjuangan hakikin, mereka akan kehilangan tawaran kebendaan yang menjadi satu kuasa tawar menawar menjelang perhimpunan agung.

Mereka berperang bagi menentukan apakah mereka akan membuat pilihan itu berdasarkan

kewibawaan calon, ataupun kerana wang. Mereka akan menjadi lemas untuk membuat keputusan. Jika mereka memilih berdasarkan kredibiliti calon, mereka tidak akan mendapat habuan. Dan sebaliknya kalau kebendaan mereka harapkan belum tahu mereka akan mendapat calon yang baik. Itulah delima yang bakal dihadapi oleh para perwakilan UMNO pada tahun ini.

Pengalaman masa lalu cukup memerit dan memalukan UMNO. Dalam pemilihan tiga tahun lepas, (1993) bagaimana calon yang berwang walau pun tidak punya wibawa telah dipilih. Bagaimana calon yang bersih dan berakhlaq disisih kerana mereka tidak memberi apa-apa janji projek. Akhirnya ternyata pemimpin yang tidak bermoral dan yang dipilih berlandaskan kebendaan itu tidak sampai sekerat jalan, membawa bencana kepada UMNO dan memalukan 2.4 juta ahli UMNO. Angkara dan musibah silap pilih itu sedang menimpa UMNO seluruhnya hari ini.

Tetapi calon yang mempunyai wibawa, berjiwa rakyat, bersih dan tidak punya skandal seperti Datuk Sanusi Junid dan Datuk Abdullah Badawi, ternyata disepak begitu saja. Dibuang bagaikan kartu-kartu nama tokoh murahan di kaki lima PWTC dihari perhimpunan agung. Kebolehan, vision dan juga pengorbanan mereka kepada orang Melayu sebelum ini dinafikan terus. Gelombang wang dan projek telah meranapkan perasaan hormat dan juga menyapu perasaan kemelayuan dalam jiwa perwakilan UMNO tahun 1993.

PERANG OKTOBER

Padahal kalau diukur diantara tokoh yang dipilih bagi menggantikan tempat Sanusi dan Pak Lah, siapa sangatlah mereka. Siapa dia Najib kalau dibandingkan dengan Sanusi Junid? Siapa dia Muhamad Taib kalau dibandingkan dengan Pak Lah. Baik disegi akhlak dan juga ketebalan semangat Melayu (nasionalisme) jauh lebih baik Sanusi dan Pak Lah. Sesungguhnya Sanusi dan Pak Lah telah 'dibunuh' oleh perwakilan UMNO sebelum sampai masanya!

Inilah peperangan dalam diri para perwakilan UMNO kali ini. Agak susah juga untuk mereka menentukan unsur mana yang akan menang. Adakah unsur wang ataupun unsur lain. Jika mereka memenangkan tokoh yang tidak menawarkan kebendaan, maka mereka kehilangan sedikit rezeki. Jika mereka menaikkan tokoh yang bersedia untuk menaburkan wang, maka mereka sudah munafik kepada diri sendiri. Perwakilan UMNO akan terjempit diantara mementingkan negara dan diri sendiri?

Itulah perang perasaan yang akan meletup dalam diri para perwakilan UMNO sekarang ini. Perang itu sudah pun bermula dalam diri setiap perwakilan UMNO. Dan pertentangan nilai ini akan lebih memuncak lagi apabila tibanya saat-saat hari penentuan. Perang itu adalah perang terbesar yang berlaku di dalam setiap diri manusia. Rasulullah SAW sendiri pernah mengingatkan sahabatnya sekembali dari satu peperangan dengan mengatakan peperangan yang paling besar ialah perang melawan nafsu.

PERANG OKTOBER

Konotasi pemilihan pada Oktober ini juga merupakan perang merebut pengaruh diantara Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim. Perebutan inilah merupakan intipati ataupun punca sebenar peperangan Oktober itu.

Pemilihan pada Oktober ini merupakan kesempatan paling akhir kepada kedua pihak untuk menentu dan menunjukkan kepada dunia pengaruh siapa lebih kuat. Melalui perang itu ia akan terjawab, apakah Dr Mahathir masih mampu untuk meneruskan pemerintahan sehingga tahun 2000 ataupun tidak. Dan bagi Anwar pula ia akan menjawab spekulasi sama ada ia berpeluang atau pun tidak menjadi pemimpin utama negara ini, ataupun mimpi dan realitinya akan terkambus dibawah kekebalan pengaruh Dr Mahathir.

Justeru kerana perang itu begitu penting, maka keduanya sedang berusaha keras bagi mempastikan kemenangan masing-masing. Dalam hal ini mereka akan mempastikan puak atau *proxy* mereka menang. Perang diantara Dr Mahathir dan Anwar ini tidak dimonitor sendiri oleh mereka tetapi ianya diteruskan oleh para penglima masing-masing.

Dalam perang merebut pengaruh ini, kekuatan di pihak Dr Mahathir begitu jelas. Pembentukan jawatankuasa *ad-hoc*, penerimaan resolusi agar jawatan Presiden dan Timbalan tidak bertanding yang dicapai dalam perhimpunan tahun lalu, pengembalian Rahim Tamby Chik memegang semula jawatan Ketua Pemuda dan peraturan sesiapa yang hendak bertanding kena mendaftarkan diri dan

PERANG OKTOBER

Iarangan berkempen, merupakan usaha-usaha dan tindakan untuk mengunci langkah Anwar dan mempastikan pengaruh Dr Mahathir meluas dan tidak terusik. Tindakan dan cara MT mengawal pemilihan tahun ini sedikit sebanyak telah memincangkan demokrasi dalam UMNO. Kebebasan ahli seakan disekat demikian rupa.

Dr Mahathir begitu serius membatasi kuasa Anwar. Ada kalanya beliau kelihatan tercungap-cungap takut kepada bayang-bayangnya sendiri. Dalam pada itu pula telah meletakkan Anwar dalam keadaan rasa digigit serba salah.

Manakala Anwar pula selamba sahaja. Beliau mengambil sikap *low profil* dan bertenang akhir-akhir ini. Ada dua kemungkinan tentang sikap Anwar itu; pertama mungkin beliau *confident* dengan kedudukannya, ataupun beliau cemas dengan perkembangan dan tindakan-tindakan Dr Mahathir itu.

Itulah natijah ataupun intipati kepada perang Oktober. Sangat jelas bahawa perang Oktober ini perang menentukan hidup politik mati Dr Mahathir dan Anwar menjelang abad 21. Serta perang menentukan apakah kebenaran akan tunduk kepada kebathilan. Ia akan menentukan apakah pengaruh *maddiyah* akan terus menguasai jiwa perwakilan UMNO. Ataupun pengaruh madani yang menjadi agenda Anwar akan menang dan seterusnya dapat ditegakkan untuk melahirkan sosial Islam tawaduk dan zuhud yang dicita selama ini.

Perang itu juga akan menentukan apakah sekali lagi tokoh-tokoh yang mempunyai perwatakan baik,

PERANG OKTOBER

mempunyai akar tunjang perjuangan Melayu tulun disingkir, dan mereka yang cemar, kotor dan jijik dan bersedia menggunakan wang dan politik Machavelli akan terus menguasai UMNO dan akan dipuja dan kultuskan sebagai pemimpin tanahair.

Perang Oktober adalah penting dalam menentukan hala cara dan penegakkan sendi bangsa di ambang abad ke 21 ini. Justeru itu tidak sepatutnya kalau peperangan itu dimenangi oleh puak atau individu yang jelek dan tidak mempunyai semangat kemelayuan tulen dan kepekaan yang tinggi kepada agama, bangsa dan negara.

Mohd Sayuti Omar

Wangsa Maju,

Kuala Lumpur.

25 Ogos, 1996



ANWAR IBRAHIM - Inilah lagak dan *action* bakal PM ke 5. Belum apa-apa sudah berlagak besar. Biasanya orang berada di muka pintu ada dua kemungkinan, kalau tidak hendak masuk, mesti hendak keluar. Tetapi tenguk ke gaya Anwar itu macam nak masuk, tetapi tidak boleh. Anwar: "Ah... kau katalah Sayuti apa nak kata, aku sikitpun tak takut kalau penulis macam kau. Bila aku dah jadi PM nanti, baru kau tahu langit tinggi rendah!"



DR MAHATHIR MOHAMAD - Sedang memotong kek sempena genap 15 tahun beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Setengah orang sudah lama inginkan Mahathir berhenti. Tetapi beliau masih sihat, kuat dan bersemangat. Sajak beliau yang berjudul, "Perjuangan Belum Selesai" masih dalam tahap akhir.

ZAHID DAN ANNUAR SIAPA LEBIH AFDAL?

PERHIMPUNAN Pemuda UMNO akan mencatatkan sejarah tahun ini apabila jawatan itu direbut oleh lebih daripada dua tokoh. Perebutan jawatan ketua pergerakan itu lebih daripada dua tidak pernah berlaku sebelum ini kecuali tahun 1982 dimana pertandingan melibatkan tiga penjuru diantara Suhaimi Kamaruddin, Anwar Ibrahim dan Hang Tuah Arsal.

Pertandingan tahun ini melibatkan lima orang calon. Mereka ialah Tan Sri Rahim Tamby Chik, Datuk Zahid Hamidi, Datuk Annuar Musa, Tan Sri Mohd Isa Samad, Abdul Rahman Salleh dan Abdul Rauf Jamalis. Bagaimana pun tumpuan hanya akan diberikan kepada empat tokoh saja, iaitu Rahim, Zahid, Annuar dan Mohd Isa. Abdul Rahman dan Abdul Rauf dianggap sebagai pengacau daun saja.

PERANG OKTOBER

Itulah empat tokoh yang menawarkan diri untuk memimpin Pemuda. Merekalah yang bakal dinobatkan sebagai ketua pergerakan sayap kanan UMNO. Siapakah diantara mereka akan berjaya, ianya akan ditentukan pada 9 Oktober hadapan.

Keempat-empat tokoh itu masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri dan gaya serta pewatakan politik yang berbeza. Setiap mereka juga mempunyai alasan dan agenda tersendiri kenapa ingin menjadi Ketua Pemuda. Masing-masing tentu ada matlamat yang peribadi.

Maksud Rahim Tamby Chik jelas kenapa beliau mahu mengekalkan kedudukannya itu. Kerana dalam masa dua tahun lepas beliau tidak berpeluang untuk meneruskan agendanya. Setahun beliau pegang jawatan itu, beliau ditimpa musibah yang beliau sendiri mencarinya. Musibah itu hampir-hampir telah meragut hayat politiknya.

Kejadian disebabkan dirinya sendiri itu sedikit sebanyak telah merosakkan imej Pemuda. Sekiranya ia tidak diselamatkan oleh Dr Mahathir mungkin Rahim kini sudah jadi 'gemula' dalam politik. Lantaran itulah Rahim merasakan dirinya perlu diberi peluang untuk beliau meneruskan kepimpinannya. Untuk membolehkan beliau laksanakan apa yang dirancang sebelum ini.

Ketua Penerangan Pemuda, Zahid Hamidi juga ada alasan kenapa beliau menawarkan diri. Bagi mereka yang waras, tidak payah berfikir lagi kenapa Zahid bertindak melawan 'taukehnya'. Bukankah Rahim adalah ketuanya? Sebagai ketua Zahid harus

PERANG OKTOBER

menghormati Rahim. Tetapi apabila beliau turut sama menawarkan diri, itu bermakna beliau tidak senang dengan kepimpinan Rahim. Ada sesuatu yang tidak kena berlaku dalam pergerakan itu tidak boleh dimaafi oleh Zahid.

Nawaitu Zahid ialah untuk membersih imej UMNO yang terpalit dengan noda dan dosa Rahim. Zahid merasakan imej Rahim harus dikkis daripada Pemuda. Sebagai sayap kanan UMNO, Pemuda haruslah berada dalam keadaan bersih dan berwibawa. Sebagai sayap kanan UMNO dan generasi pelapis Pemuda wajar berada dalam keadaan bersih untuk menyakinkan masyarakat. Jika generasi Pemuda kotor, rendah moral sudah tentu ia akan membawa kehancuran kepada UMNO seluruhnya. Pemuda adalah pembela negara!

Atas tujuan dan niat itulah beliau menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Pemuda. Selain itu beliau juga ingin mempastikan Pemuda terus dipimpin oleh kalangan Pemuda. Tawaran itu tentulah untuk mengotakan tuntutan Pemuda selama ini yang mahu pemuda dipimpin dikalangan Pemuda demi meneruskan kesenimbungan jihad Pemuda. Kata Zahid:

"...Saya melihat latar belakang Pemuda harus berada dalam era pencarian setiap masa, setiap pemilihan kita mencari pemimpin dan cuma beberapa ketika sahaja yang pemimpin Pemuda itu dilonjakkan dari pemimpin dalaman."

"... Dalam hal ini, walaupun saya bukan tokoh terbaik di kalangan Pemuda yang ada sekarang ini

PERANG OKTOBER

malah saya menganggap diri saya sama taraf dengan rakan-rakan yang lain dalam Exco Pergerakan Pemuda, tetapi pendapat umum di kalangan rakan-rakan di dalam Exco walaupun tidak seratus peratus, sebagai mereka mahu kesenimbungan ini diterjemahkan oleh saya..."

Annuar Musa juga mempunyai matlamat tersendiri kenapa beliau mahu merebut jawatan Pemuda. Annuar telah mengemukakan agendanya untuk menjadikan Pemuda sebagai pemangkin generasi Wawasan. Agenda Annuar itu patut dihormati. Tetapi disebabkan beliau tidak dari 'waris' Pemuda, sudah tentu beliau tidak dapat merealisasikan kehendak batin Pemuda. Justeru itu langkah beliau bertanding mempunyai matlamat peribadinya untuk membina imej politiknya.

Bagi Annuar maksudnya itu memang tepat. Sebagai orang yang mempunyai cita-cita dan ada wawasan dalam politik beliau harus memperbaiki kedudukannya. Beliau perlu menggilapkan piala politiknya. Annuar Musa juga menjadikan pertandingan merebut jawatan Pemuda itu sebagai mencari kekuatan (hero) untuk merampas Kelantan. Dengan adanya sesuatu gelaran sajalah barulah Kelantan dapat ditawan oleh UMNO. Itulah keyakinan Annuar Musa.

Tetapi kerana beliau ada tugas berat di Kelantan rasanya tidak sepatutnya Annuar turut sama bertanding. Beliau seharusnya menumpukan seluruh tenaga dan usahanya untuk merampas Kelantan. Annuar perlu merampas Kelantan terlebih dahulu

PERANG OKTOBER

sebelum muncul sebagai hero. Annuar kena buktikan kemampuannya di peringkat negeri dulu sebelum mencuba nasib di peringkat nasional.

Bagi Mohd Isa pula orang tidak nampak apakah motif beliau bertanding Ketua Pemuda. Apakah alasan yang wajar untuk diletakkan maka Mohd Isa beriya bertanding Pemuda? Dalam pertandingan tahun 1993 lalu pun orang sudah tidak nampak kewajaran kenapa beliau bertanding Ketua Pemuda. Orang lihat pertandingan itu sepatutnya diantara Syed Hamid dengan Rahim. Beliau sendiri tidak serius dengan pertandingan itu. Jika Syed Hamid Albar tidak menarik diri, kewujudan Mohd Isa tidak berbekas langsung. Tetapi apabila anak Singa UMNO itu tarik diri, maka peranan Mohd Isa kelebihan jelas. Dia menjadi akar ketika tidak ada rotan.

Ramai orang bercakap Mohd Isa tidak mempunyai kredibiliti untuk bertanding sebagai Ketua Pemuda. Kejayaan dan juga wawasan Mohd Isa juga samar-samar. Orang tidak nampak apakah kejayaan besar ataupun program perdana yang beliau laksanakan di Negeri Sembilan.

Satu-satu kelebihan dan keistimewaan yang boleh beliau tawarkan hanya sebagai tokoh yang bersih dan senang digauli saja. Itu saja. Selain dari itu tidak ada apa-apa. Lainlah kalau tidak ada siapa lawan Rahim, kehadiran Mat Isa cukup membanggakan.

Dalam buku '**Siapa Ketua Pemuda Ke 10**' telah saya hurai panjang lebar mengenai Rahim. Saya sudah sebut keburukan dan kebaikan Rahim. Dan saya sudah memberi peringatan kepada Pemuda

PERANG OKTOBER

akan sebab-sebab kalau pilih Rahim. Tetapi kerana Pemuda lebih cenderung memilih berdasarkan siapa banyak dapat memberi habuan, dan amat terpesona dengan team Wawasan maka pandangan saya diketepikan saja.

Saya tidak hairan kalau perwakilan Pemuda memandang sepi teguran dan kritikan saya. Sebab masa itu semuanya terpegun dengan pembentukan team Wawasan. Zahid dan Anwar Ibrahim sendiri, tidak peduli kritikan saya ke atas Rahim. Mereka sendiri bersekongkol dengan Rahim. Annuar boleh memicingkan matanya untuk melupakan keburukan Rahim. Jadi kalau Anwar sang tokoh berakhhlak boleh menerima Rahim apa lagi anak buahnya, seribu kali boleh menerima Rahim.

Justeru itu dalam perkiraan dan analisis siapa yang lebih afdal menjadi Ketua Pemuda ini, Rahim awal-awal lagi terbuang dari minda politik saya. Anggaplah Rahim tidak bertanding dan kita berdoa agar beliau akan menarik diri pada saat-saat akhir. Tokoh yang menjadi perhatian kita untuk diperdebat dan diperhitungkan ialah Zahid Hamidi dan Annuar Musa. Mohd Isa juga walaupun ia mempunyai peluang boleh membuat *up-set*, tetapi saya tidak berminat untuk memperkatakan tentangnya. Mohd Isa dengan Rahim adalah calon *recond*. Baik kita memperkatakan calon *brand-new*, Annuar Musa dan Zahid.

Kedua tokoh ini tidak perlu diperjelaskan. Semua orang sudah kenal siapa mereka. Annuar Musa ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, manakala Zahid

PERANG OKTOBER

ialah Pengurus Bank Simpanan Nasional dan salah seorang tokoh muda korporat yang sedang meningkat naik.

Zahid ahli parlimen Bagan Datoh, Perak manakala Annuar Musa ahli parlimen Peringat, Kelantan. Annuar ahli Majlis Tertinggi UMNO dan diperingkat negeri menjadi Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan. Zahid adalah Ketua UMNO Bahagian Bagan Datoh. Pernah menjadi Ketua Pemuda Perak tahun 1990 - 1993 dan menjadi Ketua Penerangan Pemuda UMNO pada tahun yang sama hingga sekarang.

Kalau hendak dibandingkan disegi usia Zahid lebih tua daripada Annuar. Zahid kini berusia 43, manakala Annuar Musa di bira 40. Tetapi Annuar lebih awal melibatkan diri dalam politik. Annuar menyertai Kelab UMNO London tahun 1980 kemudian menjadi Presiden. Zahid mula menjelaskan kaki ke parlimen tahun 1990 apabila beliau dilantik menjadi Senator. Pada tahun 1994, menjadi Ketua UMNO Bahagian Bagan Datoh, apabila Dato' Muhamad Jamrah berundur.

Annuar Musa ternyata lebih pantas meningkat dalam UMNO berbanding dengan Zahid. Annuar mula menjadi Exco Pergerakan Pemuda UMNO tahun 1984 manakala Zahid tahun 1986. Annuar juga mula diberi kepercayaan memimpin UMNO Bahagian dalam usia begitu muda 27 tahun berbanding dengan Zahid ketika berusia 42 tahun.

Demikian juga diperingkat nasional, kemunculan Annuar lebih menonjol berbanding dengan Zahid.

PERANG OKTOBER

Annuar mula memasuki era politik UMNO peringkat nasional pada tahun 1990, apabila beliau dilantik menjadi Senator kemudian Menteri Belia dan Sukan. Berbanding dengan Zahid yang baru menjelak kaki ke parliment mulai tahun 1990 apabila dilantik menjadi Senator.

Ada sebabnya kenapa Zahid lambat mengajakkan diri dalam politik. Beliau sebelum ini kurang memberi tumpuan dalam politik dan lebih cenderung kepada bidang korporat. Sebab itu Zahid dilihat lebih berjaya dalam bidang korporat berbanding dengan politik. Zahid seperti telah menyusun kedudukannya sebegini rupa, menyediakan segala kemudahan selengkapnya sebelum bergerak aktif dalam parti. Ini merupakan satu kebijaksanaan yang ada kepada Zahid. Tidak seperti kebanyakan tokoh lain, mencari kekayaan sewaktu memegang jawatan dalam kerajaan. Zahid lakukan begitu untuk mengelakkan beliau dituduh telah menggunakan jawatan dalam kerajaan untuk mengumpul harta.

Disetiap visi, falsafah dan perwatakan politik kedua-duanya berbeza diantara satu sama lain. Sikap, sifat dan perwatakan mereka kontras. Zahid dikenali seorang tokoh yang senang didekati, mesra dan tidak membzakan kedudukan. Berlainan dengan Annuar ia dilihat sebagai sompong, ego dan "agah". Mungkin didikan Maktab Tentera menjadikan Annuar demikian. Zahid lebih lembut dan *friendly*, mungkin didikan sekolah agama Izuddin Shah Perak membentuk peribadinya luhur dan berhemah.

Dimana-mana dan sesiapa saja boleh mendekati

PERANG OKTOBER

Zahid. Dipejabatnya setiap hari penuh dengan pelanggan, rakan dan sahabat. Adakalanya Zahid tidak mempunyai masa rehat langsung kerana melayan kawan-kawannya. Annuar walaupun bersedia menerima kunjungan, tetapi orang kurang berminat kerana merasakan beliau sombong dan tidak suka bergurau senda ditambah tugas diluar (kementerian) yang banyak.

Dalam kepimpinan khasnya UMNO, Annuar dikatakan seorang yang berani dan mempunyai pendirian. Dalam MKT beliau tidak segan silu mengeluarkan pendapat dan membuat teguran dan kritikan. Beliau lebih bersikap mempercayai diri sendiri, dan mempunyai keyakinan yang tinggi kepada ideanya.

Manakala Zahid pula lebih menunjukkan sikap toleransi dan menghormati orang lain. Apa yang berlaku dalam kes Nazri dan Rahim dalam Pemuda membuktikan sikap tolak ansur Zahid Hamidi. Beliau tidak suka menimbulkan kekeruhan demi politiknya dan lebih suka melihat masalah diselesaikan secara kekeluargaan.

Sekiranya beliau bersikap agresif dan meletakkan kepentingan politiknya dihadapan, sudah tentu sesuatu yang tidak diingini akan berlaku. Perkara yang mungkin berlaku ialah mengemukakan undi tidak percaya terhadap Nazri Aziz selaku Pemangku Ketua Pemuda. Jika diadakan undi tidak percaya sudah pasti Nazri akan jatuh dan memberi pelung kepada Zahid untuk memimpin pemuda. Boleh dikatakan sebahagian besar Exco Pemuda berpihak kepada

PERANG OKTOBER

Zahid. Kalau diadakan undi tidak percaya ketika itu, Nazri dijangka mendapat tiga undi sahaja.

Semasa bertemu beliau di Makkah dalam bulan Ramadhan tahun lalu saya menyingsungkan perkara ini kepadanya. Katanya memang dia sendiri tahu dengan membiarkan Nazri meneruskan agendanya untuk mengembalikan Rahim, ia menimbulkan masalah kepada Pemuda dan dirinya sendiri. Ketika itu rancangan untuk mengadakan undi tidak percaya ke atas Nazri sudah difikirkan. Tetapi kerana beliau khasnya lebih memikirkan keharmonian parti serta ingin menjaga hati Dr Mahathir Mohamad, selaku Presiden parti, niat itu tidak diteruskan.

Berpandu kepada kebijaksanaan itu ternyata Zahid tidak suka mengamalkan politik *matlamat menghalalkan cara*. Beliau lebih suka mencari penyelesaian secara damai, bermusyawarah dan rendah diri.

Kalau dibandingkan disegi keperibadian atau moral, Zahid tidak pernah dilibatkan dengan apa-apa skandal ataupun perangai tidak baik. Beliau tidak pernah dibabitkan dengan perempuan, rasuah dan sebagainya. Ini berlainan dengan Annuar yang sebelum ini sering dituduh dengan pelbagai tuduhan, termasuk dikatakan mempunyai *affair* dengan seorang bintang filem dan yang terbaru dihebukan mempunyai skandal dengan isteri orang? (Harap itu adalah fitnah semata-mata).

Secara peribadi saya mengenali Zahid seorang yang warak dan mempunyai komitmen yang tinggi kepada Islam. Dalam kehidupan sehariannya, Zahid

PERANG OKTOBER

banyak menitik beratkan kepada kebajikan dan ibadah. Khabarnya Zahid sering kali mengadakah usrah di rumahnya dengan menjemput para ustaz. Di rumahnya terdapat sebuah surau untuk kegiatan agama.

Boleh dikatakan pada setiap tahun Zahid turun ke Tanah Suci untuk melakukan ibadat umrah. Setiap Ramdhan beliau bersama isteri dan kadang kala bersama anak-anak berpuasa di Makkah. Dalam hal ini Annuar mempunyai persamaan dengan Zahid. Annuar juga kerap menzirahi Tanah Suci.

Di Makkah saya sering berjumpa dengan Zahid tetapi tidak dengan Annuar. Dua tahun berturut saya berjumpa dengan Zahid di Makkah. Keramahan terserlah apabila beliau mengundang untuk berbuka puasa di biliknya dan di masjid bersamanya. Beliau tidak meletakkan kedudukan dan statusnya sebagai ahli korporat dan Datuk untuk mengasingkan diri, seperti mana kebanyakan Tan Sri dan ahli korporat lain yang berkelompok sesamanya walaupun di Makkah.

Kalau dikira bidang korporat dan kejayaan peribadi, ternyata Zahid lebih berjaya berbanding Annuar. Dalam sekejap masa saja Zahid boleh memiliki syarikat yang mempunyai aset berbillion. Salah sebuah syarikat yang ada kaitan dengan Zahid ialah Kertam Holding dan Powertek Bhd dimana kedua-duanya beliau sebagai Pengurusnya.

Bagaimanapun kejayaan itu bukan kelebihan mutlak Zahid. Kejayaan itu juga mungkin dapat dicapai oleh Annuar jika beliau berada diluar

PERANG OKTOBER

kerajaan?

Dalam bidang pengurusan dan pembangunan, keduanya sama-sama mempunyai minda dan idea yang baik. Annuar Musa di Kementerian Pembangunan Luar Bandar banyak mengemukakan idea baru untuk kemajuan masyarakat luar bandar. Perwujudan INFRA, merupakan satu komitmen beliau untuk memajukan sektor luar bandar yang banyak ketinggalan.

Program Desa Wawasan, Bakti Desa dan sebagainya melambangkan Annuar mempunyai idea bagaimana untuk mengubah taraf kehidupan masyarakat luar bandar. Penjelmaan idea dan program bertindak baru itu membuktikan kemampuan Annuar sebagai pemimpin muda yang berwibawa dan berdaya maju. Tranformasi kedua pembangunan luar bandar menyerlahkan pandangan jauh Annuar dalam membangun masyarakat kampung dan desa. Program itu juga satu komitmen dan iltizam Annuar untuk memodenkan rakyat luar bandar.

Begitu juga dengan Zahid kejayaan dan kepesatan pembangunan yang dicapai oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) akhir-akhir ini menyerlahkan kemampuan Zahid. Keupayaan BSN menarik pelaburan sebanyak 10 juta dengan nilai pelaburan RM6 billion merupakan satu komitmen dan kejayaan Pengerusinya dalam mempertingkatkan ekonomi orang Melayu.

Pendeknya kalau dibanding secara umum kedua tokoh itu tidak dapat mengalahkan diantara satu sama lain. Waima Zahid atau Annuar keduanya telah

PERANG OKTOBER

menunjukkan kesungguhan, komitmen dan perjuangan untuk memajukan orang Melayu.

Cuma satu sahaja bentuk perbezaan di antara keduanya dalam konteks Pemuda iaitu masalah orang luar dan orang dalam. Zahid dianggap sebagai orang dalam sebab dia adalah dikalangan Pemuda. Manakala Annuar Musa orang luar Pemuda.

Sekiranya Pemuda benar-benar ingin meneruskan kesinambungan kepimpinan Pemuda, maka Zahid sudah tentu menjadi pilihan Pemuda. Annuar dalam hal ini terpaksa mengaku kalah. Annuar tidak mempunyai kaitan dengan Pemuda, sebab beliau sudah lama meninggalkan dunia Pemuda. Wajah politiknya lebih tua daripada usianya.

Disinilah terletaknya kelebihan Zahid. Sebagai orang dalam beliau mempunyai banyak kesempatan dan peluang. Beliau mempunyai konteks yang intim sesama pemuda. Jika beliau memimpin Pemuda, tidak banyak orientasi yang perlu dijalankan. Berlainan dengan Annuar, beliau harus mentarbiah semula Pemuda mengikut gentar rasa politiknya. Annuar dikira akan menghadapi banyak masalah. Beliau juga kena mengambil masa untuk membangun semula jiwa Pemuda selari dengan mindanya. Keadaan ini sudah pasti merugikan masa. Tetapi sekiranya Pemuda ingin dipimpin oleh orang muda, maka Annuarlah lebih berhak sebab beliaulah paling muda diantara calon Pemuda.

Seperti apa yang dikhabarkan oleh Naib Ketua Pemuda sebuah bahagian di Sabah, Annuar dikatakan telah menjadikan kedudukan itu sebagai janji.

PERANG OKTOBER

Katanya, Annuar menawarkan pelbagai projek kerementeriannya kepada sesiapa yang menyokongnya. Kalau dakwaan itu benar, langkah itu juga akhirnya akan membunuh karier politiknya. Annuar akan punya banyak musuh suatu hari kelak jika beliau gagal memenuhi janji-janjinya itu. Yang tentunya, tidak mungkin beliau dapat memenuhi kesemua janji-janji itu.

Jika ini menjadi umpan pancing yang berkesan, maka Zahid terpaksa mengalah. Zahid tidak dapat mengikut rentak kempen berkenaan sebab beliau tidak memegang apa-apa jawatan diperingkat kabinet dalam kerajaan. Zahid tentunya tidak boleh menawarkan apa-apa projek kepada perwakilan khasnya Ketua Pemuda Bahagian, sebab beliau tidak mempunyai apa-apa kemudahan dan kuasa dalam kerajaan. Hanya satu saja kecacatan pada Zahid ialah mengenai hobbinya memiliki kereta mewah! Hobby itu bertentangan dengan sifat kepimpinan Melayu dan Islam yang zuhud dan tawaduk.

Demikian perbandingan secara umum diantara dua tokoh itu. Keduanya tidak banyak perbezaan. Jelasnya Zahid dan Annuar mempunyai keistimewaan yang relatif. Keduanya mempunyai visi dan misi untuk memimpin Pemuda.

Tetapi perwakilan UMNO akan menggunakan rasional masing-masing dalam membuat pilihan. Masing-masing sudah dapat membuat kesimpulan yang konkret siapa yang hendak dipilih dan tidak. Siapa yang dikira dapat memperjuangkan idealisme

PERANG OKTOBER

Melayu dan menebus maruah Pemuda yang tercemar selama ini. Dalam hal ini adalah menjadi harapan semoga Pemuda akan membuat perhitungan yang teliti dan mendalam. Mereka jangan sesekali memilih tokoh atau orang yang boleh membawa kesejahteraan kelompok tertentu, tetapi biarlah yang boleh membawa kesejahteraan kepada umum. Hendaknya pisang tidak berbuah dua kali dalam Pemuda!



AHMAD ZAHID HAMIDI - Setiap tahun mengenangkan jasa dan khidmat kaum wartawan dengan mengadakan majlis "Jasamu Dikenang". Bukan itu saja, beliau juga tidak pernah lupa kepada nasib golongan kurang bernasib baik seperti anak-anak yatim. Bagaimana pun ada juga pihak yang menuduh strategi politik!



ZAHID, RAHIM dan NAZRI - Tiga sahabat yang menewaskan Mohd Isa tahun 1993. Pakatan yang berlandaskan nafsu dan politik tidak mengekalkan mereka. Akhirnya ketiga sahabat ini berpecah. Zahid 'khianati' Rahim. Rahim 'khianati' Pemuda. Dan apakah pada 9 Oktober ini Nazri pula akan mainkan Zahid? Orang politik selalunya makan dalam senyum?



ANNUAR MUSA - *The handsome man*, beliau tidak sepatutnya turut sama merebut jawatan Ketua Pemuda. Annuar punya tugas besar di Kelantan. Pada mulanya graf Annuar naik tinggi mengatasi Zahid dan Mohd Isa, tetapi apabila tersebar berita (fitnah) mengatakan dia punya skandal dengan isteri orang, graf Annuar merosot. Khabarnya Annuar sangat marah dengan fitnah itu. Sabar Tuk... sabar, tahun 1999 cuba lagi!

KENAPA ANNUAR BERTANDING?

DIANTARA empat orang calon Ketua Pemuda yang menawarkan diri untuk bertanding pada Oktober hadapan, Datuk Annuar Musalah calon yang paling akhir mengesahkan untuk bertanding. Calon pertama yang membuat pengesahan ialah Datuk Ahmad Zahid Hamidi, kedua Tan Sri Mohd Isa Samad, diikuti oleh Tan Sri Rahim Tamby Chik, yang akan mempertahankan kedudukannya. Zahid awal-awal lagi membuat penegasan akan bertanding, sehingga beliau dilihat terlalu *confident* akan menang. Semacam ada desakan batin pada Zahid untuk melakukan sesuatu ke atas pemuda.

Annuar Musa sekurang-kurangnya telah dua kali membatalkan hasratnya untuk mengumum akan bertanding. Keadaan itu menyebabkan timbul rasa cemas dikalangan penyokongnya. Sikap itu menjadi

PERANG OKTOBER

tanda tanya, apakah jadi atau pun tidak Annuar bertanding.

Hingga pada saat terakhir, (sehari sebelum tamat hari pendaftaran) iaitu pada 30 Jun, beliau mengumumkan yang beliau akan bertanding Ketua Pemuda. Dengan pengumuman itu, maka 'sah'lah putera bukit Marak anak Tok Guru, itu akan turut sama mengadu nasib untuk menjadi Ketua Pemuda UMNO.

Annuar mempunyai motif tersendiri kenapa beliau melengah-lengahkan keputusannya. Melihat kepada caranya itu, Annuar seolah mahu melihat reaksi pemimpin tertinggi UMNO terlebih dahulu. Beliau tidak mahu langkah itu dilihat sebagai songsang ataupun membelakangkan pucuk pimpinan. Dalam hal ini ada rasionalnya juga cara Annuar itu. Apa yang paling Annuar harapkan ialah *hint* daripada Dr Mahathir.

Ternyata Dr Mahathir tidak 'memberi' sebarang petunjuk. Dan Dr Mahathir juga tidak menasihatinya agar tidak bertanding. Sikap diam dan *natural* Dr Mahathir itu menjadikan Annuar serba salah diantara hendak bertanding ataupun tidak. Tapi kerana beliau sudah memukul canang ke seluruh negara, maka beliau memberanikan diri untuk bertanding.

Tentunya pengalaman dan musibah yang diterima Dato' Syed Hamid menjadi tauladan dan sempadan kepadanya. Annuar tidak mahu nasib yang menimpakan Syed Hamid akan tertimpa pula kepadanya. Apa jadi kepada Syed Hamid apabila beliau menarik diri disaat-saat akhir dalam pertandingan tahun 1993?

PERANG OKTOBER

Syed Hamid tidak lagi dipercayai oleh para penyokongnya. Ramai para *hard core* Syed Hamid telah berpindah kem, semata-mata kerana ketidak-tegasannya.

Apapun kelewatan itu memberi gambaran kepada Annuar yang beliau mencari-cari kekuatan sendiri. Disamping disegi politiknya sebagai berhemat, tetapi ternyata beliau kurang berani dan dianggap tidak *gentleman*. Justeru itu untuk melindungi rasa kurang berani itu beliau menimbusnya dengan tindakan tidak bertanding Ahli Majlis Tertinggi. Annuar tidak mendaftar diri mempertahankan MKT. Tujuan Annuar berbuat begitu untuk memperlihatkan kepada umum bahawa beliau serius dengan Pemuda dan tidak main-main dengan hasratnya itu.

Annuar telah mengambil risiko bertanding secara kalah mati. Beliau bertanding Ketua Pemuda sahaja dan tidak mempertahankan jawatan ahli MT. Langkah Annuar ini dilihat sebagai berani secara membawa tuli. Beliau telah meletakkan risiko ke atas dirinya. Jika beliau kalah, maka beliau akan tercabut dari hirarki kepimpinan UMNO pusat. Langkah itu juga merugikan UMNO Kelantan, apa lagi kalau selepas ini beliau tidak akan dilantik menjadi ahli MT. Kehadiran Annuar dalam MT UMNO amat besar ertiannya kepada UMNO Kelantan. Sepatutnya Annuar mengutamakan UMNO Kelantan daripada memeringkan kedudukannya dalam politik.

Selain itu cara beliau itu juga sebagai melambangkan keberanian, sebagai seorang pemimpin yang terdidik di alam ketenteraan. Falsafah ke-

PERANG OKTOBER

tenteraan; hanya ada dua pilihan sahaja - mati atau hidup, tembak ataupun kena tembak. Nampaknya falsafah itu menjadi amalan Annuar Musa dalam politik. Syabas kepada putera bukit Marak.

Dalam pertandingan Ketua Pemuda ini, Annuar telah meletakkan dirinya diantara mati atau hidup. Sekiranya beliau menang, beliau akan hidup dan mencatat sejarah sebagai tokoh pertama dari Kelantan memimpin Pemuda. Sebaliknya kalau beliau kalah, nafas politiknya akan sesak. Jalan-jalan politiknya di masa hadapan akan gelap. Kerana apa yang beliau lakukan sekarang ini sebagai satu perjudian dalam perjuangan. Benar, Annuar mungkin ikhlas untuk mengubah Pemuda menjadi pemangkin kecemerlangan bangsa, namun di dalam politik keikhlasan dan kemurnian cita-cita seseorang jarang dipandang orang.

Kenapa saya berkata demikian? Kerana jika Annuar kalah, dan kebetulan pula tidak berapa lama selepas itu, Anwar Ibrahim akan mengganti Dr Mahathir maka nasib politik Annuar akan menjadi suram dan kelabu. Namanya tidak akan gah seperti hari ini. Umum sudah mengetahui hubungan atau kedudukan Annuar Musa dengan Anwar Ibrahim. Insan yang berkongsi satu nama ini tidak mempunya perwatakan dan pembawakan yang sama dalam politik. Perbezaan yang jelas diantara Annuar Musa dan Anwar Ibrahim ialah disegi moral dan didikan. Meskipun Annuar Musa seorang anak tok guru tetapi ciri-ciri ketokguruan tidak ada kepadanya. Beliau lebih menonjol sebagai seorang *the hand*

PERANG OKTOBER

some man. Beliau dilihat tidak berapa Islamik seperti mana Anwar Ibrahim. Kelainan ‘pedang’ dan darah perjuangan ini menyebabkan mereka tidak serasi walaupun berada dalam satu negeri bernama UMNO.

Perbezaan pendekatan politik diantara keduanya amat jelas khususnya dalam konteks politik Kelantan. Annuar Musa telah mengambil pendekatan politik bermusuhan dengan kerajaan Kelantan dan mendera rakyat Kelantan, sedangkan Anwar Ibrahim mengambil pendekatan berbaik dengan kerajaan Kelantan dan melihat rakyat Kelantan sebagai rakyatnya. Padahal kalau hendak dikira, Annuar Musa seharusnya mengamalkan pendekatan politik ala Anwar itu, kerana Kelantan adalah negerinya dan banyak kaum keluarganya di negeri Tok Kenali itu.

Sebaliknya kalau Annuar menang, dia mempunyai kekuatan sendiri. Beliau ada nafas tersendiri. Dan kemenangan itu akan membolehkannya mencapai matlamat utamanya untuk merampas Kelantan. Annuar mahu menjadikan jawatan Ketua Pemuda sebagai aset ataupun senjata untuk merampas Kelantan. Beliau pernah melapazkan kepada saya, hanya dengan menjadi hero diluar Kelantan sahaja, beliau baru dihormati dan akan dapat merampas negeri Kelantan.

Tetapi itu hanya helah Annuar sahaja. Saya sendiri kurang bersetuju dengan alasan Annuar itu. Seperti yang sering saya katakan, untuk merampas Kelantan bukan dengan menjadi “gedebe”, tetapi dengan menjadi baik. Merubah pendekatan politik

PERANG OKTOBER

ala menghukum dan mendera kepada bermurah hati, adil dan saksama. Selagi rakyat Kelantan dihukum dan didera selama itulah Annuar tidak akan terlekat di hati mereka. Annuar tetap dianggap jahat!

Pada saya kenapa Annuar bertanding ialah kerana untuk mempastikan masa depan dirinya dalam politik. Annuar mahu sesuatu kekuataan ataupun *power*. Dia tahu pergantungannya dalam politik selama ini kerana belas kasihan Dr Mahathir ke atasnya. Jika tidak ada belas kasihan itu, Annuar tidak akan ke mana. Kewibawaan dan pengalaman politik yang ada kepadanya masih belum mampu untuk mengurus Kelantan. Kalau tidak kerana ehsan Dr Mahathir, Annuar masih belum mampu menjadi Timbalan Penggerusi UMNO Kelantan, mahu pun sebagai menteri. Masih banyak tokoh yang lebih senior dan berwibawa berbanding Annuar.

Bukan hendak mengata disegi pengalaman politik, Datuk Ibrahim Ali mengatasi kemampuan Annuar Musa. Manakala dibandingkan disegi moral pula, ternyata Datuk Mustapha Muhamed lebih *clean* dan putih daripada Annuar Musa. Ibrahim Ali walaupun moral politiknya rosak akibat banyak lompat parti, tapi peribadinya bersih. Beliau tidak pernah dikaitkan dengan apa-apa skandal dengan perempuan. Begitu juga Mustapha, sifat kelebiahannya aman terserah.

Disini jelas pertandingan Annuar dalam jawataan Ketua Pemuda bukan kerana ilitizal perjuangan. Bukan kerana hendak membawa perubahan kepada Pemuda UMNO. Annuar tidak mampu untuk mem-

PERANG OKTOBER

bawa apa yang disuarakan itu. Hakikat ini boleh ditengok apa yang berlaku di Kelantan. Apa yang Annuar lakukan di Kelantan? UMNO masih berpecah belah sesama sendiri. Dalam kemelut sekarang ini Annuar terkial-kial tidak tahu apa yang harus beliau lakukan. Yang jelas beliau banyak memikirkan nasib dirinya daripada nasib UMNO dan rakyat.

Annuar mendakwa beliau mempunyai banyak kelebihan untuk menjadi Ketua Pemuda. Katanya beliau adalah tokoh yang secocok dengan Dr Mahathir. Beliau dakwa diantara empat calon Ketua Pemuda, beliaulah yang tidak ada apa-apa masalah dan paling serasi dengan Dr Mahathir.

Tukang-tukang tilik Annuar menyebarkan berita kononnya tiga lagi calon semua ada masalah dengan Dr Mahathir. Rahim sudah mencontingkan arang ke muka Dr Mahathir. Mohd Isa pula dikira tidak menghormati Dr Mahathir apabila tidak menghiraukan *signal* Dr Mahathir pada tahun 1993. Manakala Zahid pula kurang disenangi oleh Dr Mahathir kerana kenyataan-kenyataan politiknya yang membela Anwar menjelang perhimpunan tahun 1993. Kehadiran Zahid di era Dr Mahathir ini dikira boleh menyusahkan lagi Dr Mahathir.

Jadi dalam hal ini Annuarlah satu-satunya calon terbaik untuk berganding dengan Dr Mahathir. Dan adalah calon Pemuda yang sangat cocok berada di bawah Dr Mahathir, seterusnya akan menjadi *new rubber stamp* kepada UMNO.

Ada logiknya juga hujah itu. Memang iya, Annuar

PERANG OKTOBER

adalah diantara calon yang paling cocok dengan Dr Mahathir. Yang dikira dapat mengikut Dr Mahathir dan tidak mendatangkan masalah kepadanya. Annuar boleh ikut apa sahaja yang Dr Mahathir mahu, kerana beliau adalah anak didikan politik Dr Mahathir.

Tetapi dalam hal ini sayang sedikit, Annuar sudah lupa bahawa hari-hari seorang Dr Mahathir sudah tidak berapa lama lagi. Dr Mahathir sudah berada di hujung senja dan kini sudah pun berada dalam kamar *transit* persaraan. Tidak lama lagi beliau akan berhenti menjadi Perdana Menteri. Anwar Ibrahim pula bila-bila masa saja akan mengambil alih tempatnya.

Jika lima atau 10 tahun lepas, Annuar berpendapat demikian memang benar. Waktu itu Dr Mahathir masih muda dan sedang berbulan madu dengan jawatannya sebagai PM. Beliau sangat inginkan seorang ketua Pemuda yang dapat mengikut rentak dan irama alunan pentadbirannya. Yang boleh membaca minda dan visinya. Dan sebagai seorang pemuda yang mengkagumi Dr Mahathir. Annuar Musa layak menjadi Ketua Pemuda lima tahun lepas, bukannya hari ini.

Tujuan beliau bertanding untuk kepentingan politiknya. Bagi menjamin masa depan politiknya selamat. Apa lagi dengan penyertaan semula Tengku Razaleigh Hamzah dan kuncu-kuncunya ke dalam UMNO, sedikit sebanyak boleh mengugatkan kedudukan Annuar di Kelantan.

Sebaliknya kalau beliau menang, beliau akan

PERANG OKTOBER

menyusahkan Anwar Ibrahim? Apa yang bakal berlaku ini sudah pasti tidak disukai oleh Anwar. Apa lagi Anwar mempunyai agenda tersendiri di Kelantan. Beliau ada *planning* sendiri untuk Kelantan. Apakah Annuar bersedia untuk mengubah kiblat politiknya dan bersedia untuk menjadi "Khalid Ibnu Walid" baru kepada Anwar? Annuar memang mahu kalau sudah terpaksa. Tapi soalnya mahukah pula Anwar Ibrahim? Bukankah sebelum ini Annuar memandang sepi kepada projek Islamisasi Anwar Ibrahim.

Kira-kira apakah yang boleh Annuar lakukan ke atas Pemuda jika beliau menang. Apakah agenda yang hendak dilakukan. Kalau Annuar berkeupayaan melakukan transformasi kedua pembangunan luar bandar, apakah transformasi ke atas Pemuda yang hendak dilakukan?

Apakah masalah politik wang, politik projek, politik kebendaan, rasuah, skandal dan sikap jumud generasi muda kepada masalah moral dan kedaulatan agama, mampu Annuar perjuangkan?

Apa lagi dalam masa yang sama beliau dikatakan menjadi pengamal kepada sebahagian daripada kejelekan itu. Beliau dikatakan telah menggunakan kedudukannya sebagai menteri, menawarkan projek kepada pihak-pihak tertentu untuk mendapat sokongan dalam pertandingan Ketua Pemuda? Tranformasi kedua pembangunan luar bandar pun masih dalam angan-angan samaada berjaya atau-pun tidak, ini pula hendak melakukan transformasi dalam Pemuda UMNO. Apakah perubahan yang hendak dilakukan?

PERANG OKTOBER

Satu persoalan yang didebatkan ke atas Annuar ialah tentang imej dirinya. Bukanakah Annuar dikenali sebagai *person* yang kurang elok peribadinya. Beliau dikatakan masih bergelombang dengan aktiviti-aktiviti maksiat. Sesetengah pegawai Annuar sendiri yang menabirkkan imej buruk ini kepada dirinya. Ada kalanya pegawai itu secara terbuka membicarakan soal perempuan, dangdut dan sebagainya. Keadaan inilah yang menyebabkan imej Annuar buruk. Kalaupun Annuar tidak terlibat, tetapi pembicaraan oleh pegawainya itu boleh merosakkan imejnya. Perkara ini tidak diperhatikan oleh Annuar. Sepatutnya perkara-perkara begini tidak dibiarkan berlaku kerana ia boleh memburukkan lagi peribadi Annuar.

Inilah yang meragukan. Secebis nila yang berwarna biru tidak akan dapat membersihkan sedulang susu. Malahan dengan kehadiran setitik nila itu boleh menyebabkan sedulang susu itu semuanya menjadi biru ataupun kelabu.

Pengalaman dan jejak-jejak yang ditinggalkan oleh Rahim Tamby Chik dalam Pemuda sudah cukup untuk dinilai dan dijadikan teladan. Betapa seorang seperti Rahim gagal untuk membawa pembaharuan kepada dunia kepemudaan. Rahim bukan sahaja tidak berjaya memulihkan pemuda menjadi generasi penerus yang patriotik sebaliknya meninggalkan secalar garis hitam yang memalukan seluruh golongan Pemuda. Ini bukan satu tuduhan tetapi kita boleh saksi apakah yang telah dilakukan oleh Rahim Pemuda zaman Rahim telah menghabiskan masa lebih setahun hanya untuk mendebatkan masalah

PERANG OKTOBER

peribadi Rahim.

Disebabkan pada sesuatu sudut peribadi Annuar hampir sama sahaja dengan Rahim, apakah Pemuda masih boleh mempercayai orang yang tipa (jenis) Annuar itu boleh menaikan martabat Pemuda? Seorang bekas Ketua Pemuda Bahagian di Kelantan berkata; *kalau saya menyokongnya bukan kerana dia (Annuar) bersih, tetapi kerana dia berasal dari Kelantan. Jadi saya menyokongnya atas dasar semangat Kelantanisme, bukan kerana ketohokan ataupun kejujuran beliau sebagai seorang politician.*



NIK AZIZ, Dr MAHATHIR dan ANNUAR MUSA - Kata Mahathir: "Tok Guru jangan rungsing, saya dah perangkap dia dah, (Ku Li), lepas ni dia akan jadi terompah kayu dalam UMNO. Kalau Tok Guru nak berkawan, berkawan dengan budak Nuar ni... dia ni baguis sikit daripada dia tu (Ku Li)." Kata Nik Aziz: " Tapi Datuk Seri, dia ni baik didepan saja, di belakang dia 'nyah' saya" Annuar Musa

(Mengapa) beranak kalau Annuar hendak jadi hero dia kena usahakan

KPU RAHIM JADI PENENTU?

SEPATUTNYA Tan Sri Rahim Tamby Chik tidak lagi mempertahankan jawatan Ketua Pemuda. Dosa dan juga kelukaan yang dipalitkan ke muka pemuda UMNO terlalu sukar untuk dihakiskan. Gara-gara Rahimlah imej Pemuda UMNO yang dibersihkan oleh Anwar Ibrahim sebelum ini menjadi kotor dan cemar.

Arang yang dicontengkan oleh Rahim itulah yang tidak dapat dimaafi oleh Anwar. Lantaran itulah, usaha untuk menyingkirkan Rahim disusunaturkan demikian rupa. Dakwaan Rahim bahawa ada konspirasi untuk menyingirkannya ada benarnya. Tapi Rahim tidak harus terkilan, kerana beliau amat arif kenapa terjadi demikian.

Tetapi nasib Rahim baik, dia sungguh bertuah dan beruntung kerana ada orang yang membelaanya. Jika

PERANG OKTOBER

tidak, sudah tentu Rahim sudah lama terbuang dari peta politik Malaysia. Hari ini pun Rahim mungkin tidak lagi disebut oleh ahli-ahli UMNO.

Sesungguhnya apa yang menimpa diri Rahim, adalah satu sejarah. Dimana sebelum ini tidak ada tokoh yang telah meletak jawatan dapat menyambung kembali tugasnya, tanpa bertanding semula. Iya hanya berlaku kepada diri Rahim seorang sahaja. Namun pun begitu, sejarah itu tidak seharusnya dijadikan oleh Rahim sebagai satu keistimewaan kepadanya. Apa lagi kalau beliau beranggapan pengembalian semula jawatannya itu sebagai satu pembapatisan semula ke atas dirinya amatlah tidak kena.

Rahim seharusnya sedar apa yang berlaku ke atas dirinya adalah sesuatu yang bukan ringan. Tuduhan penglibatan beliau dengan gadis bawah umur itu bukan satu perkara remeh temeh. Perlepasan oleh pihak Jabatan PEGUAM NEGARA, tidak boleh Rahim jadikan lesen baru untuk dia bebas dan aktif semula. Kalau benar Rahim terlibat, dia tidak akan bebas di akhirat nanti. "Sesiapa yang melakukan kebaikan walaupun sebesar zaharah, akan dibalas. Dan begitu juga dengan kejahanatan, walaupun sebesar zaharah, akan dibalas", itu janji Allah swt.

Alasan Rahim dia mempertahankan jawatannya kerana tidak bersalah boleh dipertikaikan. Rahim telah menjadikan ujian forensik ke atas budak bawah umur itu dan pengakuan budak berkenaan melalui surat sebagai bukti yang beliau tidak terlibat.

Sebenarnya ujian forensik itu boleh dipersoalkan

PERANG OKTOBER

lagi dan begitu juga pengakuan gadis itu seperti dakwaan Rahim. Kalau benar gadis itu membuat pengakuan dan memohon maaf kepada Rahim, kenapa ia tidak didedahkan secara terbuka. Kalau setakat mengakui sahaja, dan tidak tampil ke hadapan, ia tidak boleh menyakinkan orang ramai.

Budak sekolah itu sepatutnya tampil ke depan dan nyatakan siapakah sebenarnya yang terlibat. Begitu juga pemimpin tertentu yang dikatakan telah memaksa budak berkenaan supaya melibatkan Rahim perlu didedahkan. Baru kita tahu siapa sebenarnya. Selagi pemimpin itu tidak didedahkan pengakuan dan dakwaan Rahim itu tidak boleh dijadikan *evidence* untuk mengatakan dia tidak terlibat.

Begitu juga pengakuan Rahim, dia sebagai tokoh politik paling bersih juga tidak dapat mengubah segala-galanya. Pengakuan itu hanya sebagai satu ilusinya setelah beliau 'dibebaskan' dari tindakan mahkamah. Sesiapa tidak dapat mempercayai kerana ianya diucapkan oleh Rahim sendiri. Mungkin juga Puan Sri Zubaidah, isteri Rahim pun tidak dapat mengakui pengakuan itu.

Pemuda UMNO pun demikian. Logiknya kalau mereka (Pemuda UMNO) dapat menerima Rahim, Pemuda akan mengadakan majlis kesyukuran di atas pengembalian Rahim itu. Tetapi adakah majlis seumpama itu dibuat? Pemuda UMNO sendiri seperti terkejut dengan pembebasan Rahim itu. Bukti-nya sehari selepas jawatan Rahim dipulangkan, Zahid membuat kenyataan akan merebut jawatan

PERANG OKTOBER

Ketua Pemuda. Tetapi kerana mereka (Pemuda) sudah menyedari siapa dia di belakang Rahim, rasa terkejut itu didiamkan sahaja. Pemuda sesungguhnya sangat kecewa dengan apa yang berlaku, tetapi sayang rasa kekecewaan itu tidak dapat diluahkan kerana ingin menghormati seseorang! Disinilah baculnya Pemuda UMNO Malaysia, tidak berani menyatakan yang haq.

Sebenarnya hasrat Rahim untuk berhenti dan berkhidmat sehingga bulan Oktober seperti mana yang dijanjikan sebelum ini, adalah cukup baik dan sesuai. Tindakan Rahim itu sudah kena dan tepat. Langkah beliau itu tentu mendapat sokongan ramai di kalangan Pemuda. Pemuda tentu akan mengalu-alu dan menyanjunginya sebagai tokoh yang peka kepada tuntutan semasa. Pemuda UMNO akan mencatatkan Rahim sebagai tokoh yang akur kepada kehendak majoriti.

Tetapi nampaknya Rahim berfikir lain pula. Beliau membatalkan hasratnya untuk meninggalkan Pemuda. Mungkin pembatalan itu selepas beliau mengambil kira, bahawa dia masih ada sokongan dalam Pemuda. Masih ada sisa-sisa penyokongnya yang bersedia untuk menjadi broker dan tukang kempennya.

Disini Rahim silap membuat perhitungan. Kalau benar dia mengambil kira janji rakan-rakanya dalam pemuda untuk menyokongnya, Rahim telah terperangkap. Janji-janji itu adalah di hadapan sahaja dan yakinlah mereka tidak akan bersama sampai ke akhir. Adalah terlalu bodoh bagi Pemuda untuk terus

PERANG OKTOBER

menyanjung Rahim sedangkan pihak atas sudah mencemuh Rahim.

Apakah Pemuda tidak sedar yang Anwar sudah tidak berapa menyukai Rahim. Sudah tidak dapat bersua muka lagi dengan Rahim. Dan bukankah sedikit masa lagi Anwar akan mengambil tempat Dr Mahathir? Tidakkah Pemuda UMNO peka dan sedar perkembangan itu? Takdirnya Pemuda memilih Rahim sebagai ketua, ia sudah tentu mendatangkan masalah kepada Anwar dan juga UMNO.

Disegi politik tindakan Rahim itu memang kena pada tempatnya. Rahim harus mempertahankan jawatannya. Kerana selepas ini beliau tidak ada jawatan lain lagi. Untuk memegang semula Ketua Menteri Melaka, adalah mustahil!

Rahim memerlukan sebarang *post* atau jawatan dalam parti untuk mempastikan kedudukannya teguh. Kalau tidak, dia akan hanyut dan lopus begitu sahaja. Rahim akan tersingkir dan terpinggir. Lama-lama hanya nama Rahim sahaja wujud, sedangkan jasadnya tidak ada lagi. Justeru itulah maka Rahim sangat memerlukan jawatan Ketua Pemuda untuk menjamin masa depannya dalam kancah politik Malaysia masih wujud.

Tetapi satu hakikat yang beliau harus sedar dan insaf bahawa ‘kesalahan’ yang dilakukan adalah sangat teruk dan memalukan. Apa yang melibatkan dirinya telah menyebabkan imej dan kegemilangannya selama ini sirna dan pudar. Rahim harus mengerti hakikat itu. Dan pertolongan Dr Mahathir juga tidak boleh mengembalikan segala kegemilang-

PERANG OKTOBER

an itu. Dr Mahathir hanya setakat mahu supaya Rahim tidak terus dipandang hina, disamping untuk mempastikan justifikasi terlaksana. Sebab menurut hemat Dr Mahathir pemimpin lain juga tidak kurang kalau dibandingkan dengan Rahim cuma nasib mereka baik, tembelang mereka masih belum terbongkar lagi. Untuk bertindak jauh dari itu, Dr Mahathir sendiri kena berfikir banyak kali dan banyak lapis.

Atas dasar dan alasan itu Rahim tidak layak bertanding Ketua Pemuda. Beliau patut mengundurkan diri dan membiarkan pertandingan itu disertai oleh tiga calon lain. Biarlah tokoh-tokoh baru yang berwibawa, bersih dan mempunyai idealisme murni memimpin Pemuda. Generasi Pemuda sudah tidak ingin lagi kepada tokoh yang *immoral* dan cemar memimpin mereka. Ketika UMNO riuh rendah untuk mewujudkan masyarakat madani, pemimpinnya perlu seorang yang beriman dan bertakwa.

Sungguhpun begitu dalam konteks Pemuda ini, Rahim masih ada saham. Sebagai bekas Ketua Pemuda, Rahim masih ada saki baki penyokong tersendiri. Orang-orang yang simpati pada beliau, khasnya mereka yang termakan budi Rahim, masih sayangkan Rahim. Mereka yang mendapat gelaran "Datuk Melaka", begitu menghormati dan mengenang segala budi Rahim kepadanya. Kalau bukan Rahim yang ikhtiar berikan Datuk, mungkin mereka masih lagi belum mendapat Datuk. Tidak dinafikan sewaktu menjadi CM, Rahim membantu sahabatnya untuk mendapat gelaran Datuk. Orang yang tidak

PERANG OKTOBER

berjasa dan jasanya boleh dipertikaikan pun direkminkan Datuk. Hingga pada satu masa Datuk Melaka diejek oleh orang. Tidak ada nilai dan qualiti, kerana terlalu banyak sangat Datuk. Penganugerahan Datuk Melaka seperti beri borang rumah kos rendah. Antara mereka ialah Fatmi Che Ali, Redhuan Hamid, Nazri Aziz, Azman Attar, Ibrahim Ali dan lain-lain.

Jadi disini Rahim masih ada Datuk-datuk yang setia padanya. Dan Datuk inilah yang akan menjadi penyokong setia kepada Rahim. Peranan "Datuk Setia" ini adalah begitu besar bagi Rahim. Seolah-olah Rahim merekminkan gelaran Datuk itu dengan tujuan dan motif politiknya.

Adalah dipercayai Rahim masih lagi mempunyai pengaruh dan menguasai undi Pemuda diantara 15% hingga 25%. Ini bermakna Rahim masih ada kira-kira 99 undi Pemuda. Dengan undi sebanyak itu, Rahim boleh menentukan kemenangan calon lain, khasnya Zahid ataupun Annuar Musa.

Melihat populariti dan perkembangan hari ini undi yang bakal diperolehi oleh ketiga-tiga calon, Zahid, Mohd Isa dan Annuar hampir sama banyak. Rata-rata akan mendapat undi diantara 25% hingga 30%, atau kira-kira 124 hingga 148 undi daripada 495 undi dari 165 Bahagian. Kalau berpandukan kepada populariti hari ini Zahid mungkin akan dapat 35% (173), Annuar Musa 30% (148), manakala Mohd Isa 25% (124) dan Rahim 20% (99). Ini bermakna se-siapa yang akan menang kelak akan mendapat majoriti undi diantara 25 hingga 40 undi sahaja.

PERANG OKTOBER

Kerana keadaan begitu sengitlah Rahim menjadi faktor kepada kemenangan Zahid ataupun Annuar Musa. Jika Rahim memberikan 1/2 iaitu kira-kira 50 undi kepada Zahid, Zahid akan menang dengan kelebihan undi 60 - 70 undi, manakala kalau Rahim memberikan 1/2 undinya kepada Annuar, Annuar akan menang dengan majoriti kira-kira 25 - 30 sahaja.

Keadaan itu akan berlaku demikian, sekiranya pengundi Mohd Isa yang sebanyak 25% itu tidak beralih kepada sesiapa.

Demikian pentingnya Rahim dalam percaturan ini. Rahim seolah menjadi kunci kepada kemenangan diantara Zahid dan Annuar. Soalnya kepada siapakah Rahim akan memberi undinya itu. Dianalisis mengenai kemampuannya setakat hari ini, sudah pasti Rahim tidak akan meneruskan perlawanannya. Rahim akan terpaksa menyerahkan undinya kepada mana-mana tokoh yang dia rasa boleh membantunya ataupun sekurang-kurangnya dia rasakan orang itu pernah berbudi kepadanya.

Jika hendak diambil kira keafdalhan, Rahim sepatutnya menyerahkan kepada Zahid. Zahid adalah rakan dalam Pemuda yang sama-sama memimpin Pemuda tenggarnya. Kalau Rahim ikhlas untuk melihat Pemuda dipimpin oleh Pemuda, maka Zahidlah orangnya. Begitu juga kalau dilihat kepada budi, diantara Mohd Isa dan Annuar, Zahidlah yang pernah berbudi dan membantunya. Rahim kena ingat kemenangan beliau sebagai Ketua Pemuda tahun 1993, sedikit sebanyak adalah atas per-

PERANG OKTOBER

tolongan Zahid. Zahid bermati-matian membantu menjamin kemenangan Rahim atas landasan team Wawasan.

Pergorbanan Zahid dan rakan-rakannya untuk kemenangan Rahim bukan kecil. Rahim seharusnya menyedari hakikat itu. Sekiranya Rahim menjadikan alasan kerena Zahid untuk menjatuhkan beliau sebagai Ketua Pemuda setahun lepas, Rahim juga patut renung dan fikir kepada hakikatnya. Zahid terpaksa berbuat demikian kerana arahan pihak atasan. Zahid hanya menjalankan perintah sahaja.

Dalam berhadapan dengan kes Rahim ini juga Zahid ikhlas. Kalau beliau tidak ikhlas sudah tentu dia tidak akan membiarkan Nazri memberi peluang begitu mudah kepada Rahim untuk kembali memimpin Pemuda. Dalam keadaan Zahid mendapat kepercayaan sebilangan besar Exco Pemuda, Zahid boleh mengemukakan undi tidak percaya terhadap Nazri bagi menghalang Nazri memberi lowongan kepada Rahim. Tetapi Zahid tidak bertindak demikian. Sebaliknya beliau bertindak secara *gentleman* dengan bertanding dalam perhimpunan.

Seandainya Rahim merasakan dosa Zahid terlalu besar kepadanya, Rahim tidak akan serahkan undinya kepada Zahid. Rahim mungkin sahaja boleh memberikan undinya kepada Annuar Musa atau Mohd Isa. Walaupun alasan untuk beliau berikan undi kepada Annuar Musa tidak ada, tetapi atas dasar untuk mengecewakan Zahid, Rahim boleh lakukan begitu. Untuk Mohd Isa tidak mungkin sama sekali.

Takdirnya Rahim mengarahkan para penyokongnya supaya menyokong Annuar Musa, tentu tidak semua para penyokong Rahim akan mengikut arahan itu. Ini kerana setengah daripada penyokong Rahim adalah bermusuh dengan Annuar khasnya di Kelantan. Jika tidak semua penyokongnya menyokong Annuar, Annuar akan kalah juga. Dan usaha Rahim sia-sia sahaja.

Dalam hal ini payah juga bagi Rahim untuk menentukan siapa yang harus dia sokong jika beliau dapat mengesan kekalahannya. Sebaliknya sekiranya Rahim tidak memberikan undinya kepada se-siapa, realiti hari ini jelas bahawa kemenangannya berpihak kepada Zahid. Dengan penguasaan Zahid sebanyak 40%, Zahid kini akan menang Ketua Pemuda dengan majoriti diantara 40 hingga 50 undi sahaja.

Hendaknya dalam keadaan luka, kecewa dan sedang dalam perjalanan menuju 'persaraan' ini Rahim Tamby Chik akan melakukan sesuatu untuk menebus dosanya. Sebaik-baik penebusan dosa (taubat) itu ialah dengan memberikan kemenangan kepada Zahid Hamidi, setidak-tidaknya Zahid akan merakam terima kasih dan penghargaan kepada Rahim selama memimpin Pemuda walaupun dalam keadaan cacat dan pincang!

Tidak mustahil juga sekiranya Rahim sudah benar-benar taubat nasuha serta memperbaiki imejnya, Rahim boleh bertanding merebut jawatan Naib Presiden tahun 2000 kelak!

Bagaimanapun senario itu akan berubah jika ada

PERANG OKTOBER

endorsement pada saat-saat terakhir. Sekiranya PM turut sama campur tangan dalam pemilihan Pemuda, sesuatu yang ganjil akan berlaku. Tetapi kalau menurut kepada tradisi dimana TPM akan melakukan perasmian perhimpunan Pemuda dan Wanita, sekali lagi Zahid mempunya *advantage* berbanding dengan calon-calon lain. Kalaupun tidak banyak, sikit... Anwar Ibrahim akan membantu Zahid!

Apapun penentuan muktamad ialah pada saat-saat terakhir. Di malam terakhir sebelum pemilihan, dipercayai perwakilan akan membuat pemilihan. Ketika nanti, para penyokong masing-masing "di-kurung". Sekiranya penyokong mana-mana pihak menyedari kumpulan mereka sedikit, mereka akan mengubah memberi sokongan kepada calon yang paling popular.



ROSMAH dan NAJIB - Apa lah punya bini tak malu depan orang ramai pun peluk suami. Macam mana kalau budak-budak tengok, mereka bukan tahu mereka berdua tu laki bini ke ataupun tidak. Susah jadi pemimpin kalau sentiasa diekor oleh bini. Tetapi akhir-akhir ini, katanya Rosmah tidak terlampaui

NAJIB PASTIKAN MUHYIDDIN KALAH

SALAH seorang bekas penglima team Wawasan yang begitu jelas cuba memecilkan diri daripada regu-regu semasa dalam team itu dahulu ialah Datuk Seri Najib Tun Razak. Pergerakan Najib akhir-akhir ini cuba mengelakkan diri agar tidak dianggap bersengkokol dengan bekas-bekas regu dalam team Wawasan. Najib mula melarikan diri apabila Dr Mahathir melalui tindakan politiknya cuba membubarkan team Wawasan. Dalam hal ini Najib begitu peka dan cepat bertindak.

Penggerudian dan pembongkaran skandal Rahim Tamby Chik dengan budak sekolah, menyebabkan Najib tidak senang duduk. Pembersihan dalam team Wawasan mencemaskan Najib. Tindakan itu dikatakan meresah-gelisakan Najib. Ura-ura bahawa selepas Rahim, adalah beliau menyebabkan Najib

PERANG OKTOBER

terus mengasingkan diri. Najib meletakkan dirinya terpisah dari team Wawasan atau lebih tepatnya dari saf dan jemaah Anwar Ibrahim yang terkenal Islamik itu.

Kenapa Najib menjadi resah dan cemas. Sebabnya peribadi Najib tidak jauh bezanya dengan Rahim Tamby Chik. Selain itu idealisme serta visi perjuangan Najib berbeza dengan Anwar Ibrahim. Gaya hidup bangsawan dan lingkungan pendidikan menyebabkan Najib dilihat seorang tokoh elita dan bukan dewa marhain.

Sebagai seorang yang mementingkan diri sendiri dan menjadi popular di atas keterampilan orang lain, Najib cepat bertindak. Beliau mula mengurangkan kegiatan, berkawan dengan bekas regu-regunya dalam team Wawasan. Untuk mengendurkan itu Najib mengambil sikap mendiamkan diri dan tidak mencampuri kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh regu team Wawasan lain.

Najib dilihat lebih banyak bersendir. Beliau menjadikan agenda dan juga kerjanya di Kementerian Pendidikan lebih penting daripada berganding dan mengadakan *road show* dengan puak-puak team Wawasan.

Orang yang bijak membaca langkah dan geraki politik tahu akan langkah Najib itu. Anak bekas Perdana Menteri kedua berketurunan Bugis itu tidak mahu mendampingi golongan yang diragui oleh Dr Mahathir. Golongan *Anwarisme* adalah yang dicurgai oleh Dr Mahathir? Maka untuk mengelakkan Najib turut sama dicurigai oleh Dr Mahathir beliau terpaksa

PERANG OKTOBER

memisahkan diri dengan puak-puak pasukan Wawasan dahulu.

Jadi untuk menyelamatkan dirinya, maka Najib terpaksa mengendurkan, ataupun kalau boleh memutuskan terus hubungannya dengan kumpulan Anwar. Itulah sikap oportunist dan *self-fish* yang ada kepada Najib. Beliau tidak mahu meyusahkan dirinya dengan berada bersama kumpulan yang diragui oleh Dr Mahathir Mohamad. Dasar pentingkan diri sendiri dan tidak mahu jadi kontroversial, itulah stail Najib. Tetapi dalam politik ia dianggap sebagai bijak? Lantaran itu Najib tidak banyak musuh di dalam UMNO dan semua pihak menerima.

Sikap Najib ini tidak menghairankan, kerana sebelum ini sudah acap kali berlaku dimana Najib hanya menyelamatkan dirinya sahaja tetapi tidak orang lain. Itulah sikap Najib yang dikatakan kurang disenangi oleh banyak pihak. Mungkin kerana kerena dan sifat inilah menyebabkan beliau dianggap pemimpin bangsawan! Golongan *lord* yang lebih suka menjaga kepentingan diri dan keluarga daripada berkorban untuk rakyat bawahan.

Disamping itu, tunjuk ajar dan "gerpakan" semangat oleh pihak tertentu, kononnya Najib berkemampuan untuk menyaingi Anwar, menjadi Najib mula merasakan dia sama taraf dengan Anwar dan boleh mempersoalkan siapa dia Anwar? Najib jadi syok sendiri. Najib merasakan dia tidak memerlukan lagi pergantungan kepada sesiapa. Dengan kedudukan beliau yang popular, Najib merasakan *god father* seperti Anwar tidak diperlukan lagi. Atas

PERANG OKTOBER

alasan itulah maka beliau merasakan patut menghindarkan diri daripada Anwar dan juga regu-regu team Wawasan dulu termasuk Muhyuddin, Mat Taib dan lain-lain.

Jadi hari ini Najib seperti bersendirian. Beliau tidak berkawan dan berpuak dengan sesiapa. Ini tidak menghairankan kerana rasmi Najib memang begitu. Beliau berkawan sewaktu beliau terjepit sahaja dan jika kawan itu tidak dapat memberikan keuntungan kepadanya, beliau akan biarkan kawannya itu bersendirian.

Telah banyak sejarah membuktikan hakikat ini. Dalam tahun 1986 dulu bagaimana Najib yang sebelum itu dikatakan lebih komit kepada team B pimpinan Ku Li dan Musa Hitam tiba-tiba disaat-saat terakhir boleh *swing* kepada team A - Dr. Mahathir. Bukankah kekalahan Tengku Razaleigh Hamzah kepada Dr Mahathir itu disebabkan oleh pembelotan Najib Tun Razak? Walaupun tindakan Najib itu satu pengorbanan untuk menyelamatkan wira bernama Dr Mahathir, tetapi dalam konteks persahabatan Najib telah mengkhianti sahabat. Najib sudah menjadi seorang kawan yang makan kawan.

Najib juga seorang *politician* yang licit. Tingkah lakunya banyak untuk menjaga kepentingan dirinya dan juga bukan perjuangan untuk negara, bangsa dan agama. Najib dilihat terlalu berhati-hati dan payah untuk menyatakan *stand* bila timbul sesuatu isu. Beliau akan memberi pendiriannya apabila sesuatu perkara sudah jelas. Najib tidak mahu bersusah payah, dan ingin apa yang mudah sahaja.

PERANG OKTOBER

Ibarat orang menjaring ikan, apabila ikan sudah dijaring, baru Najib bersusah payah turun ke laut. Semasa orang kalut merentang jaring dan menolak perahu Najib diam membisu. Najib juga seorang pemimpin yang penakut. Dan ada kalanya dia menjadi seperti lalang. Perkara paling jelas mengenai pindaan Akta Pendidikan. Najib jelas mengikut kehendak Dr Mahathir tanpa memikirkan soal bangsa Melayu. Beliau meminda akta itu kerana ingin memenuhi cita-cita Wawasan 2020 Dr Mahathir dan bukan orang Melayu. Melalui pindaan Akta Pendidikan itu, khasnya berkaitan dengan pengkorporatan Institut Pengajian Tinggi, Najib lebih memikirkan bagaimana harus pendidikan hendak diselaraskan dengan wawasan Dr Mahathir, berbanding dengan kemampuan orang-orang Melayu. Justeru itu program mengkorporatan IPT sedikitpun tidak mengambil kira kepentingan dan kemampuan orang-orang Melayu.

Cara begitu bukan seorang pejuang yang sebenar. Apa lagi sebagai sahabat sehidup semati, menirap makan pasir menentang makan embun. Falsafah seperti itu tidak ada pada Najib. Kalau didalam tentera Najib tidak layak menjadi penglima perang. Mungkin atas kelemahan itulah maka beliau dipindah dari Kementerian Pendidikan!

Lantaran sikap itulah maka isu yang timbul sewaktu beliau pimpin Pemuda dulu berlalu begitu sahaja. Kalau isu itu boleh mengancamkan kedudukannya, beliau akan lepaskan walaupun ia untuk kepentingan agama, bangsa dan agama. Najib

PERANG OKTOBER

juga banyak menangguk di air keruh. Mungkin orang masih ingat apa yang berlaku pada perhimpunan Pemuda pada tahun 1986 di Stadium TPCA di Jalan Taja Muda, Kuala Lumpur. Semua tokoh lain meringkuk dalam penjara termasuk Ibrahim Ali, Tajuddin Rahman, Fahmi dan lain-lain, tetapi Najib sebagai menteri lepas.

Nampaknya stail dan main selamat (*play save*) Najib itu berterusan sampai kini. Pengasingan dari team Wawasan adalah salah satu tindakan Najib untuk menyelamatkan dirinya semata-mata. Najib muh u menjaga kedudukan semata dan akan membiarkan rakan-rakan lain.

Hakikat ini jelas apabila tidak banyak rakan-rakan dalam team Wawasan dulu memberi sokongan kepada Najib takala beliau membentangkan Pindaan Akta Pendidikan baru-baru ini. Kita tidak lihat Muhyiddin atau Muhammad Haji Mohd Taib ikut sama mempertahankan Najib dalam hal itu. Sebaliknya rakan-rakan dalam team Wawasan dulu, melepaskan isu pindaan itu 100% kepada Najib.

Selain itu demi untuk mempastikan kedudukannya selamat dan selesa Najib akan melakukan sesuatu dalam perhimpunan nanti. Najib akan melakukan sesuatu untuk kepentingan dan keselamatan dirinya. Disini sekali lagi kita akan dapat melihat kelicitan dan kelicinan Najib dalam politik.

Adalah tidak keterlaluan kalau dikatakan, menjelang perhimpunan agung pada bulan depan, Najib sudah bersiap sedia mengatur strategi bagaimana untuk menghancurkan rakan dan sahabatnya sendiri.

PERANG OKTOBER

Mungkin kenyataan ini memeranjatkan dan orang yang berkenaan terlibat enggan mempercayai.

Umum tahu selepas menang cemerlang dalam tahun 1993, Najib, Mat Taib dan Muhyiddin bercita-cita untuk menjadi tokoh selepas Anwar Ibrahim. Ketiga mereka bercita-cita untuk menjadi pengganti kepada tempat Anwar hari ini - Timbalan Perdana Menteri, apabila Anwar sudah mengambil alih tempat Dr Mahathir. Dalam hal ini Najib merasakan dia berpotensi kalau mengikut teori RAHMAN, dan tokoh yang jadi penghalangnya ialah Muhyiddin. Kenapa Najib merasakan Muhyiddin 'musuhnya' kerana Muhyiddin seorang menteri Pusat, dan Muhyuddinlah yang meraih undi terbanyak. Dan hakikat yang Najib takut, Muhyiddin ternyata lebih alim dan waruk daripadanya.

Justeru itu keduanya berlumba untuk maju ke hadapan. Baik Najib maupun Muhyiddin berusaha dengan apa cara. Dan untuk mempastikan cita-cita mereka tercapai, *step* pertama ialah mengukuhkan kedudukan dalam pertandingan pada Oktober depan. Mereka harus mempertahankan kedudukan dan mengekalkan prestasi yang dicapai melalui team Wawasan dulu.

Kerana cita-cita besar itulah maka Najib sekali lagi akan bermain selamat dalam pemilihan pada Oktober hadapan. Najib akan mempastikan bahawa kemaraan dua orang rakannya itu perlu disekat, khasnya, Muhyiddin. Jika tidak disekat ia boleh mengancam kedudukannya. Cita-cita untuk meng-ekori Anwar Ibrahim juga termusnah.

PERANG OKTOBER

Justeru itu satu-satu cara untuk Najib menyekatkan Muhyiddin ialah melalui pemilihan pada Oktober ini. Najib perlu mempastikan dia akan mencapai undi terbanyak. Manakala Muhyiddin pula perlu disingkir dari hirarki Naib Presiden UMNO. Najib kena berusaha ada orang lain mengganti tempat Muhyiddin. Tokoh paling selamat bagi Najib ialah Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Untuk mempastikan Muhyiddin kalah Najib boleh berkerjasama dengan Pak Lah. Dalam hal ini Pak Lah tentu sangat mahu. Untuk merealisasikannya, Najib perlu minta penyokong kuatnya mengundi Pak Lah, manakala Pak Lah pula minta penyokongnya mengundi Najib.

Walaupun kalau dilihat kepada latar belakang Pak Lah lebih afdal menyokong Muhyiddin kerana kedua mereka anak ulama. Tetapi dalam politik, latar belakang keluarga, pendidikan tidak menjamin untuk seseorang itu dapat duduk semeja. Yang penting siapa yang dapat saling bantu membantu untuk sama-sama naik.

Kepada Pak Lah, yang penting beliau menang, itu sahaja yang diharapkan, lain tidak ada. Dapat duduk di kerusi Naib Presiden bagi mempastikan dia tidak mudah ditunggang tunggingkan oleh Anwar kelak. Untuk menjadi PM, Pak Lah tidak berangan-angan kuat semacam Najib dan Muhyiddin. Pak Lah bukan jenis manusia yang mengejar kedudukan tinggi, tetapi orang baik yang berkerja hanya setakat hidup anak beranak sahaja. Komitmen Pak Lah dalam masa depan negara juga tidak berapa serius! Tahap

PERANG OKTOBER

dan pencapaian Pak Lah setakat yang ada hari ini sahaja, tidak lebih dari itu.

Selain itu Najib juga boleh berpaktat dengan Mat Taib. Najib boleh berikat janji dengan Mat Taib. Mat Taib pula dilihat senang untuk berurusan dengan Najib berbanding dengan Muhyiddin. Najib boleh janji apa sahaja kepada Mat Taib, misalnya selepas beliau nanti ialah Mat Taib. Mat Taib juga sangat setuju dengan pakatan itu, sebab bekas menantu raja itu juga mahu mempastikan kedudukannya selamat.

Mat Taib tentu setuju. Mat Taib juga hendak mempastikan kerusinya kekal. Bekas suami Ku Yah itu tidak mempunyai cita-cita sebesar Najib, tetapi cukup kalau dia dapat mempertahankan kerusinya itu. Beliau sendiri telah menjelaskan, kalau menang di tempat ketiga pun sudah mencukupi.

Bukan itu sahaja, untuk mempastikan Muhyiddin terkeluar dari saf Naib Presiden UMNO, Najib boleh juga berkerjasama dengan Tan Sri Ramli Ngah Talib. Najib boleh minta Ramli menyokongnya, dan dia menyokong Ramli. Walaupun Najib tidak mempunyai apa-apa ikatan dan keserasian dengan Ramli, namun menteri Pendidikan itu boleh berkerjasama asalkan natijah kerjasama itu boleh menendang Muhyiddin keluar. Dan sebagai negeri kedua yang mempunyai perwakilan terbanyak, Ramli boleh melakukan sesuatu untuk Najib.

Bagaimanapun regu Najib yang dikira paling baik dan berkesan sekali ialah Datuk Syed Hamid Albar. Kedudukan Syed Hamid sebagai orang Johor lebih

PERANG OKTOBER

memudahkan Najib untuk membuang Muhyiddin. Najib tidak payah memujuk Syed Hamid, sebab Syed Hamid tentu mahukan Muhyiddin terkeluar dari senarai Naib Presiden. Buktinya jelas, seandainya Syed Hamid suka melihat Muhyiddin ditempatnya sekarang, beliau tidak akan bertanding Naib Presiden. Baik Syed Hamid maupun Muhyiddin keduanya saling beranggapan dan prejedis diantara mereka adalah penghalang satu sama lain.

Dan lebih mudah lagi untuk Najib berpakat dengan Syed Hamid, kerana Syed Hamid memang ada kes dengan Muhyiddin. Bagi Syed Hamid pula kalau begitu hasrat Najib bagaikan orang mengantuk disorong bantal atau seperti penagih diberi dadah. Lagipun Muhyiddin sudah ada kesalahan dengan Syed Hamid. Sewaktu Syed Hamid beriya hendak bertanding Ketua Pemuda tahun 1993, Muhyiddin tidak menyokong Syed Hamid. Sebaliknya Muhyiddin mengarahkan Pemuda Johor yang condong kepada-nya agar memberi sokongan kepada Tan Sri Isa Samad. Selain itu Muhyiddin juga boleh meminta bantuan Dato' Ghani Othman, MB Johor untuk menyingkir Muhyiddin. Ghani juga ada agendanya tersendiri untuk mengenepikan Muhyiddin. Jika Ghani mahukan Muhyiddin kekal, Ghani tidak akan biarkan Syed Hamid bertanding, kerana Syed Hamid boleh pecahkan undi Muhyiddin. Satu lagi bukti dalam ucapannya di majlis politik di Pulau Pinang, Ghani langsung tidak menyebut nama Muhyiddin.

Bagi Najib sesiapa yang menang Naib Presiden kecuali Muhyiddin tidak membimbangkan beliau.

PERANG OKTOBER

Sekiranya Syed Hamid atau Ramli ataupun Mohd Taib mereka itu tidak mengugatkan kedudukannya. Mat Taib tidak dapat memberi saingen padanya khususnya disegi sokongan. Apa lagi Ramli sedikit pun tidak menggerunkan.

Mereka bertiga itu boleh berada di belakangnya. Walaupun disegi usia, ketiga tokoh itu lebih tua daripadanya, tetapi itu tidak menjadi masalah. Yang penting Najib ternyata lebih popular daripada mereka bertiga.

Dan hari ini khabarnya Najib kini bukan lagi berusaha untuk mempastikan kemenangan, sebaliknya ingin mendapat undi terbanyak. Setiausaha Politik beliau, Alies M Noor yang banyak mengajar Najib dengan istilah dan pendekatan Islam, khabarnya sudah membayangkan mengenai dirinya; jika Najib tidak dapat nombor satu, dia akan tinggal Najib. Dari kata-kata itu membayangkan Najib hari ini sudah top.

Justeru itu Muhyiddin hendaklah berhati-hati. Muhyiddin jangan pandang rendah kepada Najib. Walaupun beliau mendapat undi terbanyak pada tahun 1993, tetapi perangkaan itu janganjadikan alasan untuk relax dan tidak mengikut jejak langkah Najib, apa lagi tanpa meragui Najib.

Muhyiddin harus melakukan sesuatu, kejutan jika beliau ingin kekal sebagai Naib Presiden yang mendapat undi terbanyak.

Seandainya Muhyiddin hanya duduk meriba tangan dan berbekalkan peribadi baiknya berbanding Najib, tidak mustahil Muhyiddin boleh kalah. Apa lagi

PERANG OKTOBER

khabarnya Ghani Othman tidak berapa suka untuk melihat Muhyiddin menang. Keadaan ini tambah menyulitkan lagi.

Jika dibandingkan disegi batang tubuh, visi serta kewibawaan, Muhyiddin jauh lebih hebat berbanding dengan Najib. Muhyiddin jauh lebih dewasa daripada Najib. Tetapi Muhyiddin kena ingat kedewasaan bukan modal utama dalam politik. Apa lagi politik seperti UMNO, bodek, janji dan wang boleh mengubah segala-galanya hatta keburukan kepada kebaikan, dan kebaikan kepada keburukan.

Adalah terlalu sayang untuk UMNO diambang tahun 2000 kalau kehilangan Naib Presiden seperti Muhyiddin. Dalam masa kita sedang merancang untuk mewujudkan masyarakat madani pemikiran dan pemimpin seperti Muhyiddin sangat diperlukan. Muhyiddin bukanlah baik sangat, tetapi sekurang-kurangnya beliau masih belum dicatat sebagai seorang tokoh yang pernah dikaitkan dengan apa-apa skandal dan kemaksiatan.

Selain itu Muhyiddin juga dilihat mempunyai banyak kerserasian untuk berganding dengan Anwar pada tahun 2000 kelak. Jika dicongak, kali, campur dan tolak, Muhyiddinlah orang yang sesuai berada di belakang Anwar Ibrahim!



MUHAMMAD TAIB, NAJIB dan MUHYIDDIN - Penglima team Wawasan. Mereka yang bertarung untuk menjadi orang nombor dua selepas Annuar Ibrahim. Diantara mereka, Najib dikatakan berada dalam keadaan selamat. Demi untuk menyelamatkan lagi kedudukannya, Najib sudah tentu pastikan Muhyiddin terkeluar dari kerusi Naib Presiden pada 10 Oktober nanti.



IDRIS TULIS - Menawarkan diri sebagai ahli MT, bermodalkan semangat nasionalisme tulen dan keperibadian dirinya sendiri. Satu-satunya calon 'bebas' yang dikira boleh mengugat calon-calon lain. Idris juga dikenali dan mempunyai hubungan rapat dengan pemimpin UMNO. Beliau juga mewakili golongan media massa.

TEORI KU LI JADI PM

PARTI Melayu Semangat 46, yang ditubuh tujuh tahun lalu dengan rasminya akan menjadi mendiang (dibubarkan) pada 6 Oktober, 1996. Tarikh pembubaran itu diumum sendiri oleh Presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah pada 18 Ogos lalu. Idea atau cadangan untuk membubarkan parti itu katanya didorong kuat oleh Timbalannya, Datuk Rais Yatim. Rais Yatimlah yang beriya-iya benar mahukan Ku Li menyertai semula UMNO. Rasional Rais ialah, Semangat 46 tidak mampu lagi untuk meneruskan perjuangannya. Jadi menurut perkiraan Rais, dari-pada Semangat 46 mati tak berkubur, baik kalau Semangat 46 dijadikan "hewan" korban untuk UMNO.

Penguburan Semangat 46 itu tidak menghairankan, jika kita menoleh pada sejarah masa

PERANG OKTOBER

lampaui. Pada tahun 1984, Allahyarham Dato' (Tan Sri) Haji Mohd Asri Muda telah bertindak untuk membubarkan parti yang ditubuhnya, Hamim. Tetapi, hasrat arwah itu tidak sempat menjadi kenyataan apabila sebahagian besar ahli jawatankuasa agungnya tidak bersetuju dengan Dato' Mohd Asri. Hamim yang hendak 'dibunuh' itu tidak terbunuh?

Niat dan cadangan Asri untuk membubarkan Hamim ialah bagi membawa ahli parti itu ke dalam UMNO. Alasan yang digunakan oleh Asri ialah demi perpaduan Melayu dan Islam. Tetapi pemerhati mentafsir langkah Asri berbuat demikian, setelah parti itu dari sehari ke sehari semakin tenat dan tidak bermaya.

Lantaran usahanya itu tidak berjaya, beliau menyertai parti UMNO yang beliau tentang lebih kurang 30 tahun. Berbagai spekulasi yang dikhabarkan di atas kemasukan beliau ke dalam UMNO. Ada pihak mengatakan beliau ditawar jawatan Gabenor Pulau Pinang. Tetapi spekulasi itu tidak menjadi kenyataan. Akhirnya Asri mati begitu sahaja dalam UMNO tanpa sempat berkhidmat dan berbakti! Beliau hanya menjadi ahli biasa saja dalam Bahagian Selayang.

Apakah nasib Ku Li akan seperti Dato' Asri apabila beliau menyertai UMNO kelak? Mudah-mudahan nasib Ku Li tidak terjadi demikian, kerana penyertaan beliau dalam UMNO bukan 13 orang seperti Asri, tetapi lebih 200,000 orang. Begitulah yang didakwa. Sudah tentu dengan membawa penyokong seramai itu, Ku Li akan diberikan kedudukan yang setaraf dengannya. Ku Li juga berharap demikian. Katanya:

PERANG OKTOBER

jika dia layak dilantik sarjan, maka sarjanlah dan jika setakat gurkha, maka setakat gurkha saja.

Apa yang merungkai minda umum hari ini, ialah apakah yang Ku Li harapkan dengan menyertai UMNO itu? Benarkah niat beliau kerana perpaduan Melayu seperti mana yang dilaungkan itu. Ataupun Ku Li mempunyai tujuan lain yang tersirat. Kata orang ada undang disebalik batu? Apakah mimpi indah Ku Li melalui tidurnya pada siang hari dalam UMNO itu.

Kalau atas dasar perpaduan Melayu, langkah Ku Li itu boleh dipertikaikan. Hasrat dan cita-cita Ku Li tidak tercapai juga. Kerana penyertaan Semangat 46 itu tidak menyeluruh. Nawaitu Ku Li itu tidak berjaya membawa kesemua umat Melayu bersatu dalam UMNO. Yang jelasnya masih ada lebih 600,000 orang Melayu yang menjadi ahli Pas tidak menyertai UMNO. Adalah tidak logik, dengan penyertaan Semangat 46 ke dalam UMNO perpaduan Melayu akan tercapai.

Seperti yang telah saya perkatakan, masalah perpaduan Melayu bukan kerana Semangat 46. Semangat 46 tidak menjadi penyebab kerana ia bukan parti Melayu kedua terbesar. Tetapi yang menjadi penyebab perpecahan Melayu, (kalau masih wujud) ialah Pas dan UMNO. Kerana dua parti inilah yang merupakan parti dominan orang Melayu.

Selagi kedua parti ini tidak bersatu, maka selama itu masalah peraduan Melayu tidak akan tercapai. Undi Melayu akan tetap berpecah, dan politiking Melayu akan terus berlaku.

PERANG OKTOBER

Perwujudan BN pada tahun 1974 dan penyertaan Pas ke dalam komponen BN selama empat tahun, jelas menunjukkan bahawa Pas dan UMNO menjadi faktor. Apabila Pas dan UMNO bergabung dalam BN masalah Melayu selesai. Orang-orang Melayu tidak bergaduh sesama sendiri lagi. Isu kafir mengkafir yang wujud di negeri Kedah, Terengganu dan Kelantan, menjadi reda. Itu menunjukkan bahawa masalah perpaduan Melayu terletak di tangan UMNO dan Pas dan bukannya pihak lain apa lagi Semangat 46. Semangat 46 boleh dianggapkan sebagai parti sebesar tahi mata saja.

Pembubaran Semangat 46 untuk perpaduan Melayu seperti mana dakwa pemimpin Semangat 46 itu sebagai alasan sahaja. Ia adalah satu sebab yang direka cipta untuk membolehkan Ku Li membubarkan parti tersebut. Padahal hakikatnya Semangat 46, sedikit pun tidak menimbulkan masalah kepada orang-orang Melayu. Sekiranya Semangat 46 menjadi penyebab, sudah lama Mahathir menerima kemasukan Semangat 46, dan tidaklah tertangguh-tangguh sampai 6 Oktober.

Lantaran itu Ku Li ada motif lain. Ada tujuan dan matlamat lain beliau menyertai UMNO semula. Yang jelasnya beliau telah menyedari bahawa Semangat 46 tidak akan dapat membawa beliau ke mananya. Ku Li tidak boleh belseyar jauh dengan Semangat 46. Kalau diibarat kepada perahu, Semangat 46 sudah pecah dan bocor. Lantaran itu Ku Li perlu melompat segera supaya beliau tidak karam dalam lautan angan-angan.

PERANG OKTOBER

Salah satu umpan yang digunakan oleh orang-orang Semangat 46 kepada ahli-ahlinya agar merelakan parti itu dibubar dan menyertai UMNO ialah kononnya untuk membolehkan Ku Li menjadi Perdana Menteri. Itulah umpan enak yang dipergunakan dan itulah juta matlamat Ku Li.

Dan sekiranya Ku Li menjadi Perdana Menteri maka para puak-puaknya nanti (jong dondang) juga akan mendapat habuan. Kononnya ahli-ahli parlimen dari Semangat 46 akan dilantik menjadi Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri. Dan tentulah apabila Ku Li sudah memegang jawatan PM nanti kedudukan mereka lebih teguh lagi.

Ada beberapa teori atau pun formula yang telah dipersembahkan bagaimana Ku Li akan muncul menjadi Perdana Menteri. Teori ini pula diperkuatkan dengan pelbagai alasan dan hujah. Teori inilah yang disebarluaskan oleh kalangan penglima Ku Li kepada ahli-ahli Semangat 46 untuk menyakinkan mereka seterusnya bersetuju menyertai UMNO. Dan anehnya para penyokong Ku Li boleh menerima teori ini.

Antara hujah-hujah yang dipergunakan ialah:

- a) Kononnya Anwar Ibrahim tidak dikehendaki oleh Mahathir untuk menjadi Perdana Menteri. Sebab-sebabnya ialah kerana sikap fundamentalis yang ada kepada Anwar. Jika Anwar menjadi PM, para pelabur tidak akan masuk ke Malaysia dan keadaan itu menyebabkan ekonomi negara tahun 2000 akan lumpuh.

PERANG OKTOBER

Suasana inilah nanti menurut teoritis Semangat 46 itu membuka peluang kepada Ku Li untuk menjadi Perdana Menteri. Bagi mereka tokoh yang paling sesuai dan dapat diterima oleh Barat ialah Ku Li.

b) Anwar juga tidak boleh menjadi Perdana Menteri dengan selesa kerana kebetulan pada tahun 2000 kelak Sultan Kelantan akan menjadi Yang Dipertuan Agung. Dikala itu akan berlaku krisis diantara istana dengan Perdana Menteri dan akhirnya, Anwar kena mengalah dan ketika inilah Ku Li akan menjadi Perdana Menteri. Anwar didakwa tidak mempunyai hubungan baik dengan Sultan Kelantan ekoran isu kereta Lamborghini tidak lama dulu.

Itulah dua hujah ataupun teori yang dipakai oleh Semangat 46 untuk meletakkan Ku Li sebagai Perdana Menteri. Mereka mendakwa walaupun masih ada calon lain, seperti Najib Razak, tetapi ia terlalu muda. Sementara Sanusi Junid pula terlalu banyak musuh yang menghadangnya.

Manakala untuk meletakkan Ku Li di posisi menjadi Perdana Menteri, teori itu berhujah lagi, Ku Li terlebih dahulu akan dipopularkan semula ke dalam UMNO. Ku Li akan diletakkan di tempat sewajarnya. Pihak-pihak tertentu dalam UMNO akan mempersiapkan permaidani merah untuk Ku Li.

Cara untuk memartabatkan semula Ku Li ialah, sebaik sahaja menyertai UMNO, beliau akan mengekat pengaruhnya. Ku Li akan menyusun barisannya

PERANG OKTOBER

dalam UMNO. Semua penyokongnya yang masih tersisa akan di panggil. Puak yang dikata akan bersatu dengan Ku Li ialah bekas-bekas team B tahun 1987 dulu serta beberapa tokoh yang berbulu dengan Anwar Ibrahim.

Adalah dipercayai tokoh-tokoh seperti Abdullah Badawi, Syed Hamid Albar, Kadir Sheikh Fadzil, Sanusi Junid, Najib Tun Razak, Daim Zainuddin dan lain-lain akan bersatu bersama Ku Li. Begitu juga mereka yang bakal kecewa dengan Anwar seperti Najib, Annuar Musa, Rahim Tamby Chik, Rafidah Aziz dan Nazri Aziz akan *team-up* bersama Ku Li. Mereka ini akan sepakat untuk menentang Anwar Ibrahim.

Ku Li akan menggunakan tempoh tiga tahun (1996 - 1999) untuk mengumpulkan kekuatannya. Setelah segala kekuatan dikumpul, barulah Ku Li mula bertindak melawan Anwar Ibrahim. Adalah dipercayai kejayaan kawan-kawan Anwar dibidang korporat akan dijadikan isu untuk memburukkan imej Anwar, disamping mempersoalkan kewibawaan Anwar dalam bidang ekonomik.

Setelah semuanya siap Ku Li akan mengambil bahagian dalam pemilihan tahun 1999 nanti, apabila Dr Mahathir mengosongkan jawatan Presiden. Ku Li akan menguji kekuatannya dengan bertanding merebut jawatan Presiden bersama Anwar Ibrahim.

Begitulah caranya untuk Ku Li menjadi PM mengikut teori itu. Tambah teori itu lagi pengemasan kedudukan Ku Li ianya dilakukan sejak awal lagi. Pertandingan pada bulan Oktober ini dikatakan

PERANG OKTOBER

menggambarkan senario pada tahun 1999 nanti dan ia dinaungi oleh inspirasi Ku Li dengan memberi sokongan kepada tokoh-tokoh dari bekas team B dahulu.

Ku Li dan puak-puak Semangat 46 sangat suka kalau regu mereka dalam team B dulu, seperti Syed Hamid Albar, Dollah Badawi, Najib, Nazri Aziz, Rafidah Aziz dan lain-lain menang. Walaupun Najib tidak bersama mereka, tetapi mereka juga memberi sokongan penuh agar Najib menang, kerana mereka tahu pada hujung nanti Najib tidak mempunyai titik persamaan dengan Anwar Ibrahim.

Sanusi Junid yang merupakan musuh semula jadi Anwar Ibrahim dan sebaliknya, tentu akan bersama Ku Li. Melalui jawatan sebagai Menteri Besar Kedah, Sanusi dikatakan akan memulihkan kedudukannya serta mengumpulkan kekuatan untuk bertempur semula. Apabila pulih dan mendapat tenaga baru, Sanusi akan turut bertanding tahun 1999 kelak. Jawatan yang diakan ditandingi ialah sebagai Timbalan Presiden, yang ketika itu mungkin turut sama ditandingi oleh Muhyiddin atau Najib.

Untuk menyusun barisan dan bala tenteranya, Ku Li akan jadikan Kelantan sebagai pengkalannya. Ku Li sangat mengharap apabila beliau menyertai UMNO nanti, beliau akan dilantik menjadi Pengurus Badan Perhubungan UMNO Kelantan. Selepas itu beliau akan berusaha dengan apa cara saja untuk menumbangkan kerajaan Kelantan pimpinan Nik Aziz.

Itulah teori atau formula bagaimana Semangat 46

PERANG OKTOBER

menyakini Ku Li akan dapat menjadi Perdana Menteri. Sekali imbas teori itu begitu mudah dan *simplify* sekali. Ia seakan-akan teori 'khawariquh ahdah' yang digunakan oleh Asaari Muhammad bekas pemimpin Arqam untuk menjadi Perdana Menteri. Menurut teori 'khawariquh ahdah', Asaari akan menjadi Perdana Menteri apabila Sultan Azlan Shah menjadi Yang Dipertuan Agung. Kononnya Sultan Azlan Shah ini begitu tertarik dengan perjuangan Arqam. Dengan kuasa yang ada kepada Sultan Azlan, baginda dikatakan akan melantik Sanusi Junid menjadi Perdana Menteri.

Dan apabila Sanusi menjadi PM, dia akan serahkan jawatan itu kepada Asaari kerana menurut Sanusi, Asaari sahajalah orang yang layak menjadi pemimpin di akhir zaman ini - di era kebangkitan Islam. Sekali pandang teori bagaimana Ku Li hendak jadi PM itu sama sahaja dengan teori Asaari Muhammad!

Sejauh manakah teori itu boleh diyakini, menjadi satu perkara yang boleh direnung bersama. Yang jelasnya teori 'khawariquh ahdah' yang pernah dipelupori oleh Asaari, akhirnya gagal. Malahan paling buruk jemaah Arqam akhirnya dibubarkan kerana ketidakbijaksanaan pemimpinnya. Asaari dan beberapa orang pengikutnya ditahan oleh polis dan hingga kini dikenakan tahan rumah dan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Apakah nasib Ku Li sama seperti Asaari? Kalau dilihat kepada realiti hari ini, Ku Li tidak akan ke mana dalam UMNO. Benteng UMNO (Anwar) hari

PERANG OKTOBER

ini adalah terlalu kuat untuk dirempuh oleh Ku Li dan kuncu-kuncunya. Jika Ku Li mempunyai niat untuk mencapai cita-citanya, maka beliau akan kecewa.

Bukan semudah yang dibayangkan untuk Ku Li popular dan menguasai semula UMNO. Ku Li harus sedar beliau sudah menjadi seekor singa yang sudah tua, yang telah kehilangan tenaga dan ketumpulan kukunya. Beliau tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Dalam tempoh tujuh tahun beliau meninggalkan UMNO, sudah banyak muka-muka baru yang muncul bakal mengambil tempat UMNO.

Mereka dilihat lebih berkemampuan daripada Ku Li, baik disegi material dan juga ilmu. Keadaan dan hakikat ini Ku Li kena ingat. Tidak mustahil juga kalau Ku Li benar-benar mempunyai cita-cita untuk muncul semula dalam UMNO seterusnya mengambil tempat Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri seperti mana yang dikemukakan oleh teori itu, maka tokoh yang ada sekarang akan menyekat Ku Li. Sudah tentu tokoh-tokoh UMNO dari kalangan Melayu Baru, tidak akan membiarkan Ku Li.

Satu perkara yang jelas, team Wawasan yang pernah muncul dan memeranjatkan politik negara tahun 1993, kerana berjaya menyingkirkan Tun Ghafar Baba akan bersatu semula. Mereka akan duduk semeja kembali untuk mempertahankan kedudukan mereka. Dikalangan tokoh dalam team Wawasan juga masing-masing mempunyai cita-cita sama dengan Ku Li. Walaupun ada diantara mereka tidak sebulu, tapi maruah diri dan kedudukan masing-masing mereka kena bersatu. Kita tahu kini

PERANG OKTOBER

sudah ada tokoh Wawasan yang mula waswas sesama mereka.

Kemungkinan team Wawasan dihidupkan semula sudah pun mula kelihatan. Kehadiran kesemua pemimpin team Wawasan kecuali Rahim di majlis makan malam, "Malam Mengukir Jasa" yang diadakan oleh ABIM untuk meraikan Anwar Ibrahim di Holiday Inn Villa, Shah Alam 17 Ogos lalu menunjukkan bahawa team Wawasan boleh dibentuk semula.

Semua pemimpin Wawasan khasnya Naib Presiden UMNO hadir pada malam itu. Datuk Seri Najib Razak yang sebelum ini dikatakan tidak mahu hadir pun, hadir juga pada minit-minit terakhir. Kehadiran Najib itu tentulah kerana ada sesuatu yang mendesaknya.

Sanusi Junid yang turut dijemput bagaimanapun tidak hadir. Mulanya Sanusi juga dijangka hadir tetapi disebabkan halangan, beliau dikatakan terpaksa terbang ke Acheh kerana ada keluarga isterinya sakit.

Sementara itu cita-cita untuk merampas Kelantan dan menjadikan negeri itu sebagai pengkalan gerakannya, bukan satu perkara mudah. Ku Li boleh bermimpi demikian untuk 10 atau 20 tahun dulu, tetapi tidak hari ini. Hari ini rakyat Kelantan sudah kenal siapa dia Ku Li sebenarnya. Sudah tiga kemungkaran politik yang Ku Li lakukan di Kelantan. Pertama pada tahun 1978 membentuk pakatan menjatuhkan kerajaan Pas pimpinan Dato' Asri. Kedua memecah belahan UMNO Kelantan dengan

PERANG OKTOBER

penubuhan parti tahi mata, Semangat 46. Dan ketiga apa yang dilakukan sekarang ini - membubarkan parti yang diketuainya sendiri.

Berdasarkan kepada hakikat itu, maka bukan mudah Ku Li untuk merealisai teori ataupun formula bagaimana beliau akan menjadi Perdana Menteri. Pada saya, teori itu tidak lebih daripada satu momokan untuk membolehkan ahli Semangat 46 menyokong Ku Li. Teori itu merupakan satu umpan untuk memacing ahli-ahli Semangat 46 supaya mengiringi Ku Li menyertai UMNO. Kemasukan mereka itu seolah-olah mengiringi keranda Ku Li ke perkuburan UMNO.

Sungguhpun begitu mereka yang berhajat untuk menjadi Perdana Menteri kena juga berhati-hati dalam hal ini. Terutamanya Anwar Ibrahim kena pastikan jangan Kelantan dikuasai semula oleh Ku Li. Jika Ku Li dapat bertapak di Kelantan, tidak mustahil Ku Li akan jadikan Kelantan sebagai pusat pengembangan pengaruhnya. Apapun tuduhan dan anggapan Anwar kena pertahankan Kelantan biar terus berada dalam kekuasaan Pas!



TENGKU RAZALEIGH - "Mula-mula kita bubar Semangat 46. Lepas tu kita masuk UMNO ramai-ramai (seramai mana sangat?) Kemudian kita susun barisan dan buat kumpulan sendiri dalam UMNO. Untuk bergerak kita jadikan Kelantan sebagai *base*, saya boleh rundingkan perkara ini dengan Sultan Smail, dia anak saudara saya. Lepas tu tahun 1999 kita bertanding ramai-ramai. Kalau kalah kita buat kacau semula...", begitulah agaknya teori Ku Li untuk jadi Perdana Menteri tahun 2000?



SITI ZAHARAH - Sifat keibuan dan ketimuran lebih terserlah pada diri dan fesyen Zaharah. Kita harap kelubung Zaharah akan lebih kemas dan sopan lagi apabila beliau menjadi Ketua Wanita nanti. Tapi jangan pula naik tocang, asyik bersolek saja. Nik Aziz, MB Kelantan dah larang agar orang perempuan jangan pakai gincu.

KENAPA ZAHARAH LAWAN RAFIDAH?

KOLAM Pergerakan Wanita UMNO juga berkocak dan berombak tahun ini apabila ketuanya Datuk Paduka Rafidah Aziz dan timbalannya Datuk Napsiah Omar masing-masing dicabar. Bagi Rafidah inilah cabaran pertama sejak 12 tahun lalu. Selama 12 tahun Rafidah bertakhta di atas kerusi Ketua Wanita tanpa diganggu usik oleh sesiapa. Seperti tidak ada tokoh yang berani untuk mencabar Rafidah. Perang mulut diantara mereka berdua akhir-akhir ini menghangatkan lagi keadaan. Sekaligus telatah mereka itu menunjukkan mereka gagal mengawal emosi walaupun keduanya tokoh wanita terbilang!

Pencabar Rafidah pada Oktober hadapan ialah Exconya sendiri Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman. Peristiwa ini sungguh mengejutkan Rafidah dan juga

pergerakan Wanita UMNO itu.

Napsiah pula yang bertindak sebagai *cooker assistant* kepada Rafidah Aziz dicabar oleh Datuk Paduka Zaleha Ismail. Nampaknya "Two Z" telah sama-sama memberanikan diri dan mengambil risiko mencabar dua tokoh wanita negara.

Perkembangan ini mengejutkan dunia politik wanita negara ini. Lebih-lebih lagi kepada Rafidah dan Napsiah, cabaran itu menyebabkan mereka tidak senang duduk. Langkah Zaharah itu sebagai memberi isyarat kepada Rafidah, bahawa kepimpinannya sudah mula tidak disenangi. Ini bermakna Rafidah sewajarnya bersiap sedia untuk berundur.

Kesanggupan Zaharah mencabar Rafidah, sebenarnya dialu-alukan oleh banyak pihak. Bukan saja dikalangan kaum wanita, tetapi kaum lelaki juga merasakan sudah sampai masanya Rafidah ditentang. Apa lagi diera kebangkitan Islam ini, lagak dan gaya pemimpin seperti Rafidah sudah tidak relevan lagi. Rafidah dikira menentang arus. Rafidah tidak lagi cocok untuk memimpin wanita hari ini. Dengan gaya dan caranya, Rafidah sedikitpun tidak cuba menunjukkan harapan untuk mewujudkan wanita solehah. Tenguk sajalah kepada pakaian dan fesyen rambutnya. Ia sesuatu yang mengaibkan wanita Melayu yang beragama Islam. Sebagai Ketua Wanita, Rafidah seharusnya tidak berbudaya demikian?

Rafidah sepatutnya ditentang pada tahun 1993 lagi. Ketika itu pun sudah ada tokoh wanita dari

PERANG OKTOBER

Bahagian Seputih, Kuala Lumpur hendak menentangnya. Tetapi entah kenapa, wanita itu menarik diri pada saat terakhir. Khabarnya Rafidah berusaha keras agar ianya tidak dicabar.

Pada satu segi kedudukan Rafidah terlalu kukuh untuk digugat oleh Siti Zaharah. Sudah 12 tahun beliau menjadi Ketua Wanita UMNO Malaysia sehingga beliau diberi jolokan sebagai *iron lady*. Rafidah mula memegang jawatan itu pada tahun 1984, apabila memenanginya dalam pertandingan dengan Datuk Paduka Zaleha Ismail. Kalau dibaratkan kepada pohon Jejawi dalam masa selama itu "janggutnya" sudah panjang dan berjela-jela sampai ke bumi.

Pertandingan 1984 dikira berat sebelah kerana bekas Ketua Wanita ketika itu, Datuk Paduka Hajjah Aishah Ghani telah memberi sokongan terbuka kepada Rafidah. Aishah awal-awal lagi menyatakan sokongannya kepada Rafidah. Rafidah adalah anak didiknya dalam politik. Kehebatan Rafidah sebagai seorang pensyarah ekonomi, sangat menarik hati kaum wanita pada waktu itu. Lagipun tidak ramai wanita yang berkelulusan tinggi menyertai UMNO ketika itu.

Bagaimana pun pertandingan tahun 1996 ini berbeza dengan pertandingan tahun 1984. Dulu Rafidah bertanding dalam waktu bintang politiknya sedang bersinar. Dimana ketika itu orang sedang menanti untuk melihat sejauh manakah kehebatan dan kebolehannya. Tetapi hari ini beliau bertanding pada waktu dirinya sudah bergelar seorang nenek.

PERANG OKTOBER

Pertandingan hari ini berlangsung setelah beliau diberi tempoh 12 tahun memimpin Pergerakan Wanita UMNO. Maknanya beliau bertanding setelah orang menilai prestasi kerjanya. Justeru itu pertandingan pada 9 Oktober nanti amatlah memeritkan Rafidah.

Kalau bukan alang kepalang, Zaharah tidak akan menentang Rafidah. Bukan sahaja beliau telah lama memimpin Wanita, tetapi Rafidah juga juga seorang menteri kanan yang cukup gah dan senior sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa (MITI). Bukan mudah untuk Zaharah menandingi kehebatan Rafidah, apa lagi Zaharah merupakan tokoh baru dalam Wanita berbanding dengan Rafidah.

Lebih satu dekad memimpin Wanita, Rafidah mempunyai pengaruh di peringkat akar umbi yang kuat dan meluas. Boleh dikatakan kebanyakan Ketua-ketua Wanita adalah rakan seangkatan dengan beliau. Hubungan itu memberi kelebihan kepada Rafidah.

Tetapi apakah yang tidak kena dalam kepimpinan Rafidah dan Napsiah menyebabkan kedudukan mereka berdua digugat. Apakah jeritan batin Wanita terhadap mereka. Jika tidak ada sesuatu yang tidak kena, tidak mungkin Zaharah dan Zaleha sanggup mengoncangkan kelubung Wanita UMNO. Yang pastinya, mesti ada desakan menyebabkan mereka bertindak demikian.

Secara logiknya, kalau Rafidah dapat mentadbir dan memimpin Wanita dengan baik serta berkesan,

PERANG OKTOBER

tidak mungkin beliau ditentang. Tentu ada sesuatu yang tidak kena sehingga 'tergamak' bagi Zaharah dan Zaleha mencabar kepimpinan Rafidah - Napsiah.

Rafidah mendakwa kenapa Zaharah menentangnya ialah kerana masalah peribadi, iaitu pembahagian saham dan permit. Kata Rafidah, Zaharah tidak puas hati terhadap pengagihan saham kepada menantunya. Bagaimana pun Zaharah menafikan dakwaan Rafidah itu. Menurut Zaharah kenapa beliau bertanding ialah kerana ingin memberi alternatif kepada Wanita, disamping untuk mengemukakan idea dan agenda baru kepada Wanita.

Ada pula pihak mengatakan penentangan terhadap Rafidah itu disebabkan, beliau kurang memberi perhatian kepada Ketua-Ketua Wanita khasnya dalam mengagihkan projek. Mereka dakwa Rafidah memilih bulu dan bersifat autokrasi.

Manakala Zaleha pula tidak menyatakan sebarang sebab musabab kenapa beliau menentang Napsiah. Adalah dipercayai kerana Napsiah menjadi regu intim kepada Rafidah, menyebabkan Zaleha tidak ada pilihan lain. Bagi Zaleha tentangan itu untuk mempastikan kedudukannya dalam Pergerakan Wanita dan UMNO kukuh.

Selain itu ada beberapa faktor kenapa Zaleha diheret sebagai beregu dengan Zaharah. Tentunya sejarah lama menjadi panduan. Dua belas tahun lalu Zaleha pernah menentang Rafidah untuk merebut jawatan ketua. Maknanya Zaleha dan Rafidah merupakan musuh lama yang saling cemburu men-

PERANG OKTOBER

cemburui diantara satu sama lain. Dan adalah elok kalau keduanya bersatu menentang Rafidah - Napsiah. Sebenarnya dalam pemilihan ini Napsiah bukan sasaran Zaleha. Tetapi kerana Napsiah menjadi *partner* kepada Rafidah, maka Zaleha terpaksa mencabarnya.

Seperti yang dikatakan tadi, Zaharah dan Zaleha tidak menyatakan sebab-sebab konkrit kenapa mereka menentang Rafidah dan Napsiah. Namun kebanyakannya ahli Wanita menyedari bahawa tentang-an itu perlu dan ada sebab-sebabnya. Salah satu faktornya ialah sesuatu kekosongan telah lama wujud dalam Pergerakan Wanita UMNO.

Kepada kaum Wanita, Rafidah tidak banyak melakukan perubahan dalam Wanita. Pada pandangan mereka, Rafidah lebih berjaya menjadi menteri (administrator) tetapi tidak berjaya menjadi "ibu" kepada Wanita UMNO. Rafidah lebih memberi tumpuan kepada bidang tugasnya sebagai menteri, dan kurang menekankan kepada tugas dan tanggungjawab sebagai Ketua Wanita. Padahal, keperihatinan kepada Wanita sama penting dengan negara.

Ketidakseimbangan inilah menyebabkan Kaum Ibu UMNO merasakan kekosongan. Mereka merasa kan mereka tidak dipedulikan dan Rafidah menjadikan mereka sebagai alat untuk mengukuhkan kedudukannya sahaja. Wanita UMNO dilakukan oleh Rafidah seperti isteri tua yang ditinggal dan tidak dipedulikan oleh sang suami.

Sememangnya sumbangan Rafidah kepada

PERANG OKTOBER

Wanita boleh dipertikaikan. Selama 12 tahun memimpin Wanita, seperti tidak ada apa yang gah beliau lakukan. Apakah yang diperjuangkan demi Wanita? Rafidah hanya membangkitkan mengenai makin bertambahnya ahli Wanita menjadi menteri, wakil rakyat dan senator. Selain itu tidak ada apa yang boleh dibanggakan. Rafidah semacam tidak ada agenda khusus untuk Wanita UMNO?

Dalam tempoh selama itu, banyak perkara boleh Rafidah lakukan. Macam-macam perubahan dan kemajuan. Dr Mahathir misalnya dalam masa 12 tahun telah melakukan pelbagai pembaharuan, reformasi dan gagasan ke atas bangsa Malaysia. Paling nyata Dr Mahathir berjaya menjadi bangsa Malaysia bersifat inovatif dan dinamik serta meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara ketiga yang moden dan membangun.

Inilah satu kelemahan Rafidah yang paling ketara. Beliau telah mengabaikan tanggungjawab dan amanah Wanita ke atasnya. Jika Rafidah peka kepada kepentingan Wanita beliau boleh membawa banyak pembaharuan dan kemajuan kepada kaum Wanita. Misalnya sesuai dengan kedudukannya sebagai menteri (MITI), yang secara langsung terlibat dengan perdagangan dan perindustrian, Rafidah boleh menyumbangkan ke arah melahirkan korporat Wanita. Bukankah era sekarang era korporat? Dimanakah korporat Wanita yang telah dilahirkan oleh UMNO?

Ataupun Rafidah boleh menjadikan wanita Malaysia sebagai wanita contoh di mata dunia. Rafidah

PERANG OKTOBER

boleh mengeksploitasi kemajuan negara adalah disebabkan peranan aktif kaum wanita. Cara itulah boleh menaikan imej dan martabat wanita Malaysia. Tetapi kenapa tidak dilakukan?

Kita tidak nampak apakah program perdana Rafidah dalam pembelaan kepada Wanita. Selama 12 tahun apakah perubahan yang konstruktif yang dilakukan ke atas Wanita. Baik dalam bidang ekonomi, pendidikan, agama dan sebagainya, teramat kurang sekali. Masih banyak kepentingan dan hak-hak Wanita masih terabai dan tidak dipenuhi. Bukan saja masalah sosial, rumah tangga, tetapi martabat Wanita itu sendiri pun masih belum berubah. Kita juga tidak tahu ke manakah hala tuju Wanita dibawah pimpinan Rafidah? Wanita UMNO, khasnya masih berada dalam keadaan kelam kabut dan kehilangan jati diri.

Rafidah juga kurang perhatikan kepada masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan remaja (wanita). Misalnya masalah pembuangan anak, mengandung tanpa suami dan melahirkan anak luar nikah semakin menjadi-jadi. Begitu juga jenayah melibatkan wanita seperti rogol dan pelacuran semakin meningkat. Gejala ini benar-benar mencabar Wanita UMNO. Apakah program khusus yang dilaksanakan oleh Wanita UMNO untuk menangani masalah ini?

Rancangan "Bank Bayi", yang menimbulkan kontroversi dan dibatalkan itu bukan idea Wanita UMNO. Tetapi ia adalah idea dan cetusan Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat. Sepatut-

PERANG OKTOBER

nya Pergerakan Wanita UMNO memandang serius perkara ini. Gelaja itu benar-benar membimbangkan. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak Polis, dalam tahun 1994 sebanyak 36 kes bayi dibuang dikesan. Dari jumlah itu bilangan yang melibatkan bangsa Melayu paling ramai, iaitu sebanyak 16 kes. Dalam tahun 1995 pula sebanyak 57 kes dikesan, dimana yang melibatkan bangsa Melayu ialah sebanyak 16 kes. Sementara jumlah bayi yang dibuang pada Januari hingga Mei tahun 1996, sebanyak 21 kes.

Apakah keadaan itu tidak menggerunkan Rafidah? Apakah Rafidah dan Wanita UMNO tidak terfikir bahawa fenomena itu merupakan satu penyakit baru kepada negara kita. Bagaimana kita hendak membina negara maju dan makmur kalau, generasi muda sudah hilang akal? Apakah Melayu Baru yang hendak dibentuk oleh UMNO, persis itu?

Seharusnya Wanita UMNO prihatin terhadap masalah itu. Rafidah terutamanya kena mengambil berat. Beliau tidak sepatutnya ke hulur ke hilir mengendung projek, atau terlalu banyak menyertai misi perdagangan ke luar negeri, sebaliknya memberikan tumpuan kepada wanita UMNO.

Disinilah rasionalnya Islam yang menghalang wanita supaya tidak terlalu bebas bergerak sehingga mengabaikan tanggungjawab wajib. Islam telah memberi tanggungjawab kepada wanita untuk menguruskan rumah tangga. Jika wanita sudah mengambil alih tugas lelaki, dengan keluar rumah (negara) dan bergaul bebas, siapa lagi yang akan meng-

PERANG OKTOBER

uruskan soal rumah tangga, suami dan anak-anak.

Adalah dirasakan perlu kalau Ketua Wanita UMNO pada masa-masa akan datang tidak melibatkan diri begitu meluas. Tidak memegang jawatan besar serta meletakkan diri mereka dalam keadaan terlalu sibuk. Selain itu yang lebih penting, biarlah Ketua Wanita itu seorang yang berpendidikan Islam ataupun tahu mengenai hukum hakam. Ataupun sekurang-kurangnya tahu membezakan mana yang makruh, halal dan haram. Yang mempunyai akal budi Melayu. Sudah tentu kalau mereka mempunyai pengetahuan dan ilmu, mereka tidak terpesong jauh dan membawa Pergerakan Wanita tergelincir dari pada landasan kebenaran.

Menyedari hakikat itu, Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dikira dapat memenuhi keperluan-keperluan itu. Beliau dirasakan dapat membawa sesuatu yang lebih bermakna kepada Wanita UMNO. Menjadikan Pergerakan Wanita UMNO mempunyai matlamat yang jelas dan menyumbangkan pembangunan kepada kaum feminis itu sendiri.

Dengan kedudukan beliau sebagai Presiden Pertubuhan Ahli-ahli Parlimen Wanita Negara Islam, sudah pasti Zaharah dapat memainkan peranan untuk mengangkat martabat wanita UMNO khasnya dan wanita Malaysia amnya. Kesempatan itu juga tentu akan dieksplorasikan untuk menjadikan wanita Malaysia sebagai model wanita pemangkin pembangunan nusa.

Pada 9 Oktober ini adalah kesempatan dan

PERANG OKTOBER

peluang terbaik bagi wanita untuk menukar nakhoda baru, seterusnya melakukan perubahan keatas pergerakan UMNO. Hendaknya peluang keemasan ini tidak akan disia-siakan.

Menyentuh mengenai peluang dalam pertandingan pada 9 Oktober nanti, Zaharah merupakan calon *under-dog*. Pada lahiriahnya agak sukar bagi Zaharah menang. Kedudukan Rafidah sebagai ketua telah memberi peluang kepada dia untuk berkempen seluas-luasnya. Sebahagian besar Ketua-ketua Wanita Negeri berpihak kepada Rafidah. Namun pun begitu, harus diingat banyak Ketua-ketua Wanita tewas sebagai perwakilan dalam pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini. Kebanyakan mereka merupakan penyokong setia Rafidah. Perkembangan itu menjelaskan sesuatu yang mengejutkan tidak mustahil akan berlaku pada 9 Oktober nanti.



RAFIDAH AZIZ - "Jangan geletek la... gel! Ini bukannya apa Datuk Seri, *pink form* saham untuk menantu saya" Begitulah keletahnya Rafidah bergurau senda dengan PM, tidak kira di depan sapa, bila dia rasa nak mengilai, dia mengilai. Perempuan mana boleh mengilai macam itu. Setengah ulama berpendapat suara wanita itu sebahagian daripada aurat? Bukan begitu Pak Lah? Ai... takkan cucu ulama pun tak tahu?

SIAPAH MENANG SIAPA KALAH

SUNGGUH pun jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan, kerana ada *endorsement* awal-awal lagi agar kedua jawatan penting itu tidak dipertandingkan, namun perhimpunan agung UMNO kali ini tetap meriah dan hangat. Kehangatan pertandingan kali ini tentulah untuk jawatan Naib Presiden, Ketua Pemuda, Timbalan Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan juga ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Pertandingan ini membawa erti yang besar kepada UMNO. Seperti yang dijelaskan dalam bab muqadimah, meskipun Dr Mahathir dan Anwar tidak bertanding diantara satu sama lain, tetapi roh mereka berdua turut bertanding. Pertandingan mereka dilakukan oleh *proxy* masing-masing.

Penafian mereka berdua, bahawa keduanya tidak ada sengketa atau perbalahan, tidak dapat me-

PERANG OKTOBER

matahkan tanggapan umum bahawa mereka ber-krisis. Tentunya pandangan umum itu dilihat kepada realiti politik semasa serta ketegangan hubungan mereka berdua.

Tidak dapat siapa nafikan, hubungan mereka, ada kalanya tegang, ada kalanya kendur. Dan macam-macam sebab yang menimbulkan situasi berkenaan. Yang jelasnya ketegangan itu disebabkan kedudukan Anwar yang tidak menentu, apakah akan dapat menggantikan Dr Mahathir sebagai PM ataupun tidak.

Sementara Dr Mahathir pula banyak *over leaping*, dalam hal ini. Beliau bercakap berlapis-lapis dan berbelit-belit dan tidak menyatakan dengan tegas. Cara Dr Mahathir itu adalah stail politiknya, mungkin untuk menguji sejauh manakah kesetiaan dan kesabaran timbalannya dalam menunggu untuk menjadi Perdana Menteri.

Paling akhir sekali, hubungan mereka berdua dilihat tegang, berkaitan isu perlantikan Sanusi Junid menjadi Menteri Besar Kedah. Ramai orang berpendapat, perlantikan Sanusi Junid sebagai MB itu sebagai satu tindakan Dr Mahathir untuk mengukuhkan kedudukannya dan mengajar Anwar. Dr Mahathir tidak sepatutnya melantik Sanusi kerana Sanusi tidak memegang apa-apa jawatan dalam UMNO Kedah. Sanusi hanya ahli biasa sahaja.

Kalau mengikut amalan dan tradisi, Sanusi tidak seharusnya dilantik menjadi MB Kedah. Ia perlu diangkat di kalangan tokoh lain yang mempunyai kedudukan dan pengaruh dalam negeri Kedah. Atau

PERANG OKTOBER

setidak-tidaknya tokoh itu mestilah seorang Exco kanan.

Anwar dikatakan sangat berdukacita di atas perlantikan Sanusi Junid itu. Sebabnya tidak payah diterangkan lagi. Kedua orang sahabat itu tidak dapat duduk semeja sejak lama dulu. Keduanya saling cemburu mencemburui diantara satu sama lain. Keduanya saling dendki mendengki, dan tidak pernah mahu bertolak ansur dan berbaik. Anwar menganggap Sanusi seorang sahabat yang tidak jujur. Manakala Sanusi pula menyifatkan Anwar sebagai 'munafik' dan pengkhianat.

Memang perlantikan Sanusi mempunyai pelbagai pentafsiran. Ia melambangkan keberanian Dr Mahathir sebagai Presiden parti. Selain itu, perlantikan itu juga membuktikan Dr Mahathir sentiasa mengenang dan membalas jasa sesiapa yang berbakti dan membantunya. Ataupun Dr Mahathir sentiasa meletakkan seseorang itu pada tempatnya. Disinilah justifikasi yang digunakan oleh Dr Mahathir untuk melantik Sanusi jadi MB.

Ternyata dalam kes Sanusi Junid, Anwar Ibrahim terpaksa akur kepada kemahuhan Dr Mahathir. Perlantikan Sanusi itu juga melambangkan bahawa Dr Mahathir tidak peduli kepada isyarat perang yang diberikan oleh Anwar. Sekaligus ia menunjukkan bahawa, Dr Mahathir hari ini sedang berada dalam keadaan yang cukup selesa.

Pasti kalau Dr Mahathir tidak kuat, beliau tidak akan lantik Sanusi. Sedangkan sebelum ini sebanyak 22 orang ADUN Kedah telah menyatakan protes

PERANG OKTOBER

terbuka kepada Dr Mahathir yang mereka tidak mahu kepada Sanusi. Namun begitu Dr Mahathir tetap juga dengan agenda asalnya meskipun sedikit terlewat. Inilah keberanian dan kehebatan Dr Mahathir.

Umum maklum siapa dalang dalam sandiwara 22 ADUN itu. Kaitannya dengan Anwar sangat jelas apabila Setiausaha Politiknya, Salamon Selamat dikatakan telah menjadi *master mind*. Secara logiknya Salamon tidak berani untuk mengarah sandiwara itu kalau tidak ada *sponsor* daripada Anwar. Atau setidak-tidaknya Anwar harus tahu dengan tindak tanduk Sospolnya itu. Dan kalau tahu kenapa Anwar tidak larang Salamon? Inilah yang menjadi tanda tanya! Pemecatan Salamon itu hanya sebagai satu pemanis mulut sahaja.

Selain isu Sanusi, kegagalan Anwar untuk membawa Pengarah Urusan Perwaja Steel, Tan Sri Eric Chia ke muka pengadilan juga dilihat satu lagi kegagalan Anwar dalam menyaingi Dr Mahathir. Hingga kini Eric Chia masih belum dibicarakan. Sebelum ini Anwar menegaskan untuk membawa mereka yang menyebabkan Perwaja mengalami kerugian sebanyak RM 2.9 billion, ke muka pengadilan.

Pembongkaran mengenai kerugian Perwaja adalah satu aspirasi Anwar Ibrahim. Anwar tidak rela wang rakyat disalah gunakan untuk kepentingan taikon-taikon tertentu. Disamping melaksanakan jihadnya, pembongkaran itu bermaksud untuk *discredit* Dr Mahathir, kerana Dr Mahathirlah ber-

PERANG OKTOBER

tanggungjawab meletakkan Eric Chia di Perwaja.

Tetapi dengan 'terselamatnya' Eric Chia sampai sekarang, membuktikan bahawa Anwar tidak dapat membongkar segala kemungkaran itu. Sekali lagi Anwar terpaksa tunduk kepada Dr Mahathir dan diam membisu seribu bahasa untuk menghukum mereka yang bersalah dalam kes Perwaja itu.

Ketegangan hubungan diantara Dr Mahathir dengan Anwar diterjemahkan dalam kes-kes dan isu-isu seperti itu. Ketegangan itu berlaku disebabkan perbezaan idealisme dan tunjang jihad. Anwar lebih menekan kepada konsep keadilan dan membela golongan miskin dan tertindas, semantara Dr Mahathir pula kurang memberi perhatian dalam masalah ini. Dr Mahathir lebih memberi tumpuan kepada pembangunan material.

Yang jelasnya ketegangan itu tidak dapat disembunyikan. Bak bangkai gajah apabila ia sudah terlalu lama, 'kewangiannya' tidak dapat disusuk selindung lagi. Gunalah minyak wangi jenama apa sekalipun, ia tetap akan terhidu. Demikian kes Dr Mahathir dengan Anwar.

Cuma, sehari dua ini ketegangan itu nampak reda. Kenyataan Mahathir yang menyatakan, bahawa penggantinya adalah Anwar, telah mengendurkan sedikit ketegangan itu. Tetapi kenyataan itu seperti juga kenyataan Dr Mahathir sebelum ini, tentunya tidak ditelan bulat-bulat oleh Anwar. Kenyataan itu sebagai penyedap hati sahaja dan tidak lebih dari itu.

Kita harus faham sekarang ini UMNO sedang

PERANG OKTOBER

menjalani proses pemilihan pemimpin. Jadi kenyataan itu untuk menenangkan keadaan semata-mata. Kenyataan itu boleh mempengaruhi perhimpunan agung UMNO. Setidak-tidaknya dengan membuat kenyataan itu, orang-orang Anwar tidaklah berapa ghairah sangat untuk berlawan dengan orang-orang Dr Mahathir.

Anwar dan orangnya tentu faham kenyataan Dr Mahathir yang kemudian diikuti oleh Tun Daim Zainuddin itu, ada udang di sebalik batu. Anwar tentu berwaspada. Selagi persaraan Dr Mahathir tidak diwartakan, maka Anwar tidak boleh bersenang hati dan merasakan beliau akan menjadi Perdana Menteri. Kononnya Anwar kini tidak perlu risau lagi tentang kedudukannya kerana Dr Mahathir benar-benar mahukan Anwar jadi PM. Kononnya satu perjanjian lisan telah dibuat bersama diatara Dr Mahathir dan Anwar dengan pihak Barat. Kononnya Anwar bersedia untuk mengendurkan sikap fundamentalisnya yang dibimbangi Barat selama ini. Amerika dan Britain dikatakan kurang bersetuju kalau Malaysia diambil alih oleh Anwar selepas Dr Mahathir. Perjanjian itu dibuat ketika Dr Mahathir bercuti di London tidak lama dulu?

Sungguh pun begitu pertandingan pada Oktober ini adalah pertandingan diantara dua kumpulan, puak Dr Mahathir dan Awar Ibrahim. Pertandingan yang cukup penting. Bagi Anwar pertandingan ini menentukan apakah kliknya menang dan akan menentukan dia dapat atau tidak menjadi Perdana Menteri. Sekiranya ramai proxinya tewas, maka

PERANG OKTOBER

mimpi Anwar untuk jadi PM, menjadi pendek. Anwar harus berkerja keras pada tahun 1999 nanti. Besar kemungkinan tiga tahun lagi ada tokoh yang berani mencabar kedudukannya. Anwar harus kerja keras pada tahun 1999 nanti.

Jika dilihat kepada calon-calon yang bertanding mereka juga cenderung untuk meletakkan diri mereka di bawah bayangan kedua tokoh itu. Walau-pun tidak secara nyata, tetapi secara simbolik mereka ingin dianggap sebagai mewakili tokoh-tokoh tertentu. Bagi mereka yang berani, secara terang-terang mengakui bahawa mereka kononnya mendapat restu Presiden ataupun Timbalan Presiden.

Dalam barisan calon Naib Presiden mereka yang dilihat berpihak kepada Dr Mahathir ialah, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Datuk Syed Hamid Albar, dan Najib Tun Razak. Mereka bertiga ini juga disifatkan sebagai Pasukan Kementah, kerana ketiganya pernah dan sedang menjadi Menteri Pertahanan. Manakala, Mohd Haji Muhammad Taib, Muhyiddin dan Ramli Ngah Talib, dilihat lebih mirip kepada Pak Anwar.

Walaupun Pak Lah, Syed Hamid dan Najib tidak mengakui mereka calon Dr Mahathir, tetapi daripada pergerakan serta kenyataan politik menampakkan mereka orang Dr Mahathir. Apa lagi kalau dilihat kepada *back ground* sejarah politik mereka.

Misalnya sejarah politik yang dialami oleh Pak Lah di Pulau Pinang, jelas membuktikan beliau tidak mungkin bersama Anwar. Bagi Pak Lah kemunculan Anwar dalam UMNO, benar-benar telah menger-

PERANG OKTOBER

hanakan politiknya. Begitu juga dengan Syed Hamid, perlawanan merebut jawatan Ketua Pemuda tahun 1984 menyebabkan keduanya seperti tidak sehaluan dalam perjuangan. Perlawanan itu merupakan konflik batin diantara anak Singa UMNO dengan anak Pak Him Oksigen itu. Manakala kesendirian Najib akhir-akhir ini, menjelaskan beliau tidak lagi seintim dulu bersama Anwar.

Mat Taib dan Muhyiddin pula dilihat sebagai orang Anwar berpandukan kepada semangat kerjasama dan berpasukan dalam team Wawasan dahulu. Lagipun mereka lebih pantas berada di belakang Anwar Ibrahim, terutamanya Muhyiddin yang merasakan dia lebih disukai Anwar untuk menjadi orang nombor dua kelak.

Dalam Pemuda pula, Rahim Tamby Chik dan Annuar Musa dilihat sebagai 'orang' Dr Mahathir Muhamad. Manakala Zahid Hamidi dan Mohd Isa, adalah dari kem Annuar. Walaupun Zahid, mengakui beliau bukan khadam Anwar, tetapi idealisme dan tauhid politiknya orang tahu, ia sama dengan Anwar Ibrahim.

Di peringkat Wanita UMNO pula, Rafidah Aziz orang Dr Mahathir Mohamad. Sementara Datuk Siti Zaharah Sulaiman yang menentang Rafidah lebih cenderung dan suka kalau dilebelkan sebagai orang dari kem Anwar. Zaleha Ismail walaupun mengaku tidak menduduki mana-mana kem atau puak, tetapi ia lebih serasi dengan Anwar Ibrahim, manakala Nafsiah Omar pula orang Mahathir, kerana beliau setia kepada Rafidah.

PERANG OKTOBER

Pemilihan diperingkat MKT juga diramalkan sengit pada kali ini. Kebanyakan calon yang menawarkan diri semuanya mempunyai kredibiliti dan kewibawaan tersendiri. Pertembungan paling jelas ialah diantara calon berlebelkan korporat dan ulama.

Sekurang-kurang terdapat lima calon terdiri dari ahli korporat yang terkenal dan mempunyai nilai perniagaan berbillion ringgit. Antara mereka ialah Tengku Adnan Mansur, Dr Kamal Salleh, Datuk Amin Shah, Datuk Khalid Ibrahim dan Azra Gull.

Adalah sukar untuk kesemua mereka itu dipilih menganggotai MT UMNO. Seperti dalam pemilihan tahun 1993 dulu, dijangka hanya dua atau tiga orang sahaja yang mendapat tempat. Ini kerana golongan ini kepada UMNO dan bangsa Melayu seluruhnya tidak seberapa. Mereka lebih ingin menggunakan kedudukan dalam UMNO untuk kepentingan bisnes mereka. Besar kemungkinan Tengku Adnan Mansor masih mampu untuk mengekalkan kedudukannya. Seorang lagi mungkin Dr Kamal Salleh ataupun Khalid Ibrahim.

Manakala tokoh yang dilebelkan sebagai tokoh ulama (agama) pula ialah Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, MB Terengganu, Datuk Yusuf Noor, Ustaz Nakhiae Ahmad, Datuk Zainal Abidin Kadir dan Datuk Hamid Othman. Seperti juga tokoh korporat, tidak semua mereka ini akan dipilih menduduki kerusi MT UMNO. Dijangka dua atau tiga orang sahaja yang mungkin dipilih.

Yang pastinya Hamid Othman dan Wan Mokhtar Ahmad akan dapat menyenaraikan nama mereka

PERANG OKTOBER

dalam 25 anggota MT UMNO. Kedudukan Yusuf Noor yang sebelum ini pernah mencatat sebagai calon mendapat undi terbanyak sebanyak dua kali masih menjadi tanda tanya. Prestasi bekas Menteri Perusahaan Awam itu merosot apabila dikatakan turut terlibat dalam penyelwengan wang zakat Baitulmal Wilayah sebanyak RM 2 juta.

Kedudukan dan prestasi Hamid Othman juga boleh dipertikaikan. Hamid gagal untuk berperanan sebagai tokoh ulama dalam UMNO. Bekas Pengarah Pusat Islam itu juga menjadi 'beku' seperti tokoh-tokoh agama yang menyertai UMNO sebelum ini. Wibawa beliau dalam membela kedaulatan agama serta menyelesaikan isu berkaitan agama tidak berapa menyeronokkan. Misalnya pengawalan terhadap perkembangan ilmu Islam. Dalam banyak hal, Hamid mengambil pendekatan mengikut pandangan politiknya, tetapi tidak berpandukan kepada jumur ulama mutabar. Paling jelas berhubung dengan perkembangan ilmu kerohanian dan tasauf.

Pada Hamid Othman seolah-olah semua ilmu kerohanian menjurus kepada kesesatan dan boleh melemahkan pembangunan material negara. Hamid nampaknya mentafsir falsafah agama mengikut kehendak Wawasan 2020 dan bukan mengikut roh Islam. Dalam hal ini juga beliau hanya pandai menuduh dan melebelkan sesuatu kumpulan itu sesat ataupun menyeleweng. Sebaliknya apakah kesesatan dan penyelewengan tidak dijelaskan. Contohnya sudah berapa ratus kali Hamid membuat kenyataan terdapat 63 kumpulan ajaran sesat di

PERANG OKTOBER

negara ini. Tetapi apakah butir-butir kesesatan tidak dijelaskan secara terperinci.

Cara Hamid untuk membenteraskan para pengikut ajaran sesat juga tidak praktikal. Penubuhan Pusat Pemulihan Akidah untuk membetulkan akidah para pengikut ajaran sesat dianggap tidak munasabah. Pendekatan ini seperti untuk memulihkan para penagih. Seharusnya pendekatan ini tidak digunakan, sebab pengikut ajaran sesat (?), bukan sakit fizikal atau mental, sebaliknya batin. Dan soal sesat ataupun tidak satu perkara yang boleh diukur dengan pancarindra.

Tetapi kerana sudah tidak ada tokoh agama yang lebih berwibawa dalam UMNO, maka Hamid Othman lah yang dianggap sebagai 'wali Kutub'?

Seramai lebih 65 orang telah bertanding untuk menduduki kerusi MT UMNO kali. Daripada jumlah itu sekurang-kurangnya 22 orang merupakan tokoh yang dikenali menjadi pehyokong kuat Dr Mahathir Muhamad. Mereka ialah, Napisah Omar, Sabaruddin Chik, Ibrahim Ali, Sulaiman Mohamed, Abu Hassan Omar, Abdullah Fadzil Che Wan, Khalid Yunus, Abdul Rahim Bakar, Afifuddin Omar, Wan Mokhtar Ahmad, Mohd Zain Ghani, Tengku Mahmud Mansor, Abu Bakar Daud, Shahidan Kassim, Kamal Salleh, Abdul Malek Hanafiah, Amin Shah, Hamid Othman, Ghani Othman, Mustapha Mohamed, Nazri Aziz dan Hamid Pak Wan Teh.

Seramai 14 orang yang dilihat condong atau pun berada di kem Anwar. Mereka ialah; Mohd Ali Rustam, Salamon Selamat, Yusuff Noor, Mohd

PERANG OKTOBER

Shariff Omar, Raja Ariffin Sulaiman, Ibrahim Saad, Ahmad Shahbudin Mohd Nor, Othman Abdul, Hassan Ariffin, Zaleha Ismail, Abdul Latiff Marisa, Shafie Afdal, Idris Jusuh dan Nakhie Ahmad.

Manakala seramai 28 orang lagi calon tidak menampakkan diri mereka mempunyai mana-mana pihak. Mereka ini dapat menerima siapa sahaja sebagai ketua. Seandainya para perwakilan ikhlas memilih berpandukan kepada kewibawaan dan prestasi diri, setengah daripada mereka yang tidak berpihak ini boleh menang.

Diantara mereka ialah Haji Idris Tulis, seorang wartawan, penerbit dan businessman tidak asing lagi. Idris benar-benar bertanding atas keperibadian dan asset dirinya sendiri. Beliau nasionalis tulen yang cukup rajin mencatat dan mengenang sejarah tanahair. Hubungan rapat beliau dengan tokoh-tokoh politik dan negarawan menjadikan beliau sebagai calon 'kecil' yang berjiwa besar.

Adalah diramalkan tidak semua calon yang berpihak kepada Dr Mahathir atau Anwar akan menang. Calon-calon *Mahathirisme* yang mempunyai harapan untuk menang dengan undi terbanyak ialah; Hamid Othman, Shahidan Kassim, Abdul Ghani Othman, Afifuddin Omar. Mana kala calon *Anawarisme* yang berpeluang menang ialah, Mohd Ali Rustam, Mohd Sharif Omar, Hassan Ariffin, Zaleha Ismail dan Latiff Mirasa.

Tetapi soalnya apakah larangan supaya tidak berpasukan itu dipatuhi oleh ahli UMNO? Jika semangat berpasukan tetap wujud dan klik masih ada,

PERANG OKTOBER

maka sudah tentu tokoh-tokoh yang berpihak kepada Anwar Ibrahim, khasnya di kalangan Ahli Majlis Tertinggi akan banyak yang menang.

Sekiranya pemilihan tahun ini benar-benar berdasarkan kepada keperibadian, kewibawaan dan *track record* calon mengikut kaca mata UMNO, tokoh-tokoh seperti Abdullah Badawi, Zahid Hamidi, Muhyiddin Yassin, Syed Hamid Albar, Rafidah Aziz, Ghani Othman, Mustapha Mohamed dan Idris Tulis akan menang dengan mudah. Sebaliknya kalau pemilihan dibuat berdasarkan puak atau kem, belum tentu lagi calon-calon itu selamat.

Misalnya kalau ada campur tangan di saat-saat terakhir, tidak mustahil Rahim Tamby Chik boleh mengekalkan kedudukannya sebagai Ketua Pemuda UMNO.

Diantara tokoh Naib Presiden (*incumbent*) salah seorang dari mereka akan tenggelam dan hanyut. Mereka yang dikatakan sangat cemas dewasa ini ialah, Muhyiddin dan Mohd Taib. Najib Tun Razak dikira berada dalam keadaan stabil dan selamat. Nasib Muhyiddin dikatakan bergantung kepada sejauh mana Syed Hamid dapat memecah undi perwakilan Johor. Sekiranya Syed Hamid memonopoli undi Johor, besar kemungkinan Menteri Belia dan Sukan itu akan kecundang!

Pencabar yang diramalkan akan membuat kejutan ialah Pak Lah. Pak Lah dikira dapat meraih undi simpati. Sekiranya pemilihan kali ini berdasarkan kepada kewibawaan dan ketokohan calon, Pak Lah mempunyai kelebihan. Sekiranya Pak Lah dapat

PERANG OKTOBER

merampas semula kerusinya, Mohd Taiblah yang akan terkeluar. Sebab diantara tiga pencabar, Pak Lah dilihat cenderung untuk mengganti tempat Mohd Taib. Tidak nampak Pak Lah cuba menyingkirkan Muhyiddin, kerana bekas MB Johor itu dilihat banyak mempunyai persamaan dengan Pak Lah.

Begitu juga kalau dilihat cara Mat Taib akhir-akhir ini banyak membentangkan projek gergasinya bertaraf dunia, seperti mahu memperli Pak Lah. Penubuhan Sekretariat Melayu Antarabangsa (SMA), merupakan satu projek gajah putih Mohd Taib untuk menunjukkan beliau berfikir jauh. Mat Taib sangat berharap dengan projek-projek antarabangsa seperti SMA, Melayu Baru dan sebagainya itu dapat mengangkat namanya. Projek itu sengaja dibuat menjelang perhimpunan agung UMNO.

Kalau diperhatinkan gagasan Mat Taib itu banyak yang khayal daripada realiti. Pewujudan SMA misalnya, apakah malamatnya? Jika ia bertujuan untuk kemajuan dan perpaduan Melayu, ternyata ia telah menjadi satu projek perkauman. Nampaknya Mat Taib ingin muncul sebagai bapak perkauman antarabangsa?

Cita-cita itu juga tidak mungkin menjadi kenyataan. Asas yang diletakkan untuk mewujudkan perpaduan dan kemajuan itu begitu rapuh. Sejarah perpaduan bangsa tidak boleh dibentuk atas rupa bentuk dan warna kulit. Sebaliknya perpaduan (ukhuwah) dapat ditegakkan berdasarkan *ad-din*. Ini telah dibuktikan oleh Junjungan Agung Muhammad SAW 1400 tahun lalu.

PERANG OKTOBER

Justeru itulah projek itu sebagai projek gajah putih untuk menggambarkan bahawa Muhammad Taib seorang pemimpin berjiwa besar dan berfikiran global, menjelang perhimpunan. Selepas ini, apa lagi sesudah Mat Taib kalah, semua perencanaan retorit dan khayalan itu akan ghaib.

Berbalik kepada pemilihan pada Oktober nanti, dalam suasana dan kondisi politik masa kini, amat sukar untuk kita menyelami hati nurani para perwakilan. Kerana masing-masing sangat berhati-hati dan bijak dalam menunjukkan sokongan mereka. Cuma apa yang diharapkan perwakilan dapat membuat pilihan tepat pada Oktober ini. Gunalah atas pemilihan dan penilaian anda kepada *track record* calon. Utamakan prestasi dan kecemerlangan mereka. Satu hal yang perlu diingatkan, bahawa pemimpin yang dipilih pada Oktober inilah bakal mewarnai Malaysia di ambang abad ke 21.



SYED HAMID ALBAR - Seorang tokoh yang dilihat bersih, tegas dan berwibawa. Anak Singa UMNO ini, macam juga Sanusi Junid, tidak reti menggunakan 'wang' dalam politik. Beliau dikatakan mencabar kewibawaan Muhyiddin di kerusi Naib Presiden. Meskipun sukar untuk Syed Hamid, tetapi kemunculannya boleh menggugatkan Muhyiddin. Sekiranya Muhyiddin kalah pada 10 Oktober ini, orang UMNO Johor akan tundingkan jari kepada Syed Hamid.



SANUSI JUNID - Tahniah Datuk kerana dilantik menjadi MB Kedah. Belum sampai 100 hari jadi MB sudah banyak perubahan dari kejutan yang Datuk buat di Kedah. Datuk juga sibuk sekarang.... tak macam dulu lagi. Sewaktu Datuk jadi "kuman" kerana tak ada jawatan, sempat juga telefon saya... tetapi sekarang, surat saya pun tak balas. Tapi kerana saya sayang dan kagum Datuk, saya tetap ingatkan Datuk. Kalau tak jumpa tahun ini, tahun 1999 kita jumpa lagi Tuk... salam pada Datin!



MUHAMMAD TAIB dan MUHYIDDIN YASSIN - Salah seorang diantara mereka dikatakan akan "tenggelam" pada 10 Oktober ini. Apakah lambaian yang diberikan oleh mereka berdua itu, lambaian perpisahan. Mat Taib telah membentangkan projek Gajah Putih bertaraf dunia untuk menyihirkan perwakilan. Apakah dengan segala projek retorik itu Mat Taib dapat menandingi Muhyiddin?

PERANG OKTOBER

KEPUTUSAN MKT 1996

	CALON	UNDI
PRESIDEN	Mohamad	
T P	Anwar Ibrahim	
NAIB PRESIDEN	1. Muhyuddin Yassin	
	2. Najib Tun Razak	
	3. Muhammad Taib	
	4. Abdullah Badawi	
	5. Syed Hamid Albar	
	6. Ramli Ngah Talib	
KETUA PEMUDA	1. Rahim Tamby Chik	
	2. Zahid Hamidi	
	3. Annuar Musa	
	4. Mohd Isa Samad	
NAIB K P	1. Hishamuddin Hussein	
	2. Abdul Fatah Iskandar	
	3. Said Abu Hassan	
	4. Zahari Wahab	
	5. Zahidi Abidin	
KETUA WANITA	1. Rafidah Aziz	
	2. Siti Zaharah Sulaiman	
NAIB K W	1. Napsiah Omar	
	2. Zaleha Ismail	

PERANG OKTOBER

CALON	UNDI
1. Napsiah Omar	
2. Sabaruddin Cik	
3. Ibrahim Ali	
4. Drs Sulaiman Mohd	
5. Mohd Ali Rustam	
6. Abdul Kadir S Fadzil	
7. Mohamed Kamal	
8. Tengku Adnan	
9. Abu Hassan Omar	
10. Abdullah Fadzil	
11. Syed Abddulah	
12. Railey Jeffry	
13. Salamon Selamat	
14. Khalid Yunus	
15. Abdul Rahim A Bakar	
16. Megat Junid M Ayub	
17. Mohd Zihin Hassan	
18. Azra Gull A Gull	
19. Yusoff Noor	
20. Khalil Yaakob	
21. Afifuddin Omar	
22. Wan Mokhtar Ahmad	

PERANG OKTOBER

AHLI
MAJLIS
KERJA
TER-
TINGGI
UMNO

- | | |
|-----|---------------------|
| 23. | Shariff Omar |
| 24. | Mohd Aini Taib |
| 25. | Raja Ariffin |
| 26. | Mohd Zin Ghani |
| 27. | A Rahman Salleh |
| 28. | Tengku Mahmud |
| 29. | Abu Bakar Daud |
| 30. | Osu Sukam |
| 31. | Adam Kadir |
| 32. | Salleh S Keruak |
| 33. | Shahidan Kassim |
| 34. | Ibrahim Saad |
| 35. | Ahmad Shahbudin |
| 36. | Kamal Salleh |
| 37. | A Khalid Ibrahim |
| 38. | Mohd Razdi Manan |
| 39. | Abdul Malek |
| 40. | Tajol Rosli |
| 41. | Othman Abdul |
| 42. | Amin Shah |
| 43. | Hamid Othman |
| 44. | A Ghani Othman |
| 45. | Hamid Pak Wan Teh |
| 46. | Zainal Abidin Kadir |

PERANG OKTOBER

**AHLI
MAJLIS
KERJA
TER-
TINGGI
UMNO**

47.	Ishak Ismail	
48.	Wdward Sinsua	
49.	Sharizat Jalil	
50.	Hassan Ariffin	
51.	Zainol Johari	
52.	Zaleha Ismail	
53.	Abdul Latiff Mirasa	
54.	Shafie Afdal	
55.	Alias Mohamad	
56.	Mustapha Mohamed	
57.	Idris Jusuh	
58.	Nazri Aziz	
59.	Bahrom Ghani	
60.	Adam Hamid	
61.	Badaruddin Amiruddin	
62.	Nakhaie Ahmad	
63.	Fauzi A Rahman	
64.	Hanifah Nordin	
65.	Hassan Harun	TD
66.	Idris Tulis	
67.		
68.		
69.		
70.		

BUKU-BUKU MOHD SAYUTI OMAR YANG TELAH DITERBIT

JUDUL	TAHUN
1. RAHSIA ASHAARI TERBONGKAR DILUAR NEGERI	1989
2. MERDEKA KEDUA	1989
3. ANWAR IBRAHIM : MIMPI DAN REALITI	1990
4. KELANTAN SELEPAS PANTANG	1991
5. ANTARA - ANWAR, DOLLAH DAN SANUSI - TUHAN PILIH SIAPA	1991
6. TRADISI & TRAGEDI DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1993	1993
7. MUJADDID ALAM MELAYU (HARAPAN & IMPIAN DARUL ARQAM)	1993
8. SIAPA KETUA PEMUDA UMNO KE 10?	1993
9. DELIMA POLITIK KELANTAN	1994
10. TUANKU ISMAIL PETRA	1995
11. ANALISIS PILIHANRAYA 1995	1995
12. AGENDA 1995 - ANWAR LAWAN MAHATHIR	1995
13. PERGOLAKAN POLITIK KELANTAN	1996
14. PERANG OKTOBER	1996